



● BIL 311 ● 2 - 8 MEI 2025 ● PP19441/12/2018 (035014)

WILAYAHKU

www.wilayahku.com.my

**Komuniti global
diajak lawat KL**
➤➤ 6

**Sindrom A
dalam peperiksaan**
➤➤ 8

Akta PSB dan babi
➤➤ 17

Media Sosial

lubuk kejelikan, provokasi

➤➤ 2-4

Perlu ada sekatan, pemantauan ketat

KEWUJUDAN platform media sosial mempunyai kebaikan dan tidak ketinggalan keburukan sekiranya tidak dimanfaatkan dengan sebaik mungkin.

Media sosial seperti Facebook, Instagram, X dan terkini Threads memberi ruang kepada pemilik akaun untuk mengekspresikan apa sahaja yang terlintas di fikiran si pemilik akaun umpama sebuah diari digital.

Namun, ada yang menggunakan platform media sosial untuk menyuarakan ketidakpuasan hati sehingga tercetusnya perbalahan di antara individu yang saling tidak mengenali demi menegakkan pendapat masing-masing.

Paling dibimbangi hantaran berupa provokasi terutama menyentuh isu 3R (agama, kaum dan institusi diraja) yang boleh

menjurus kepada perbalahan lebih besar hingga mungkin boleh mengganggu-gugat keamanan negara.

Pakar kriminologi, **Shahul Hamid Abd Rahim** berkata perlu ada sekatan serta pemantauan yang ketat dan serius bagi mengekang kelantangan pengguna media sosial lebih-lebih lagi menyentuh isu 3R.

Menurut Shahul ketiga-tiga perkara itu sangat penting kerana boleh menimbulkan kerisauan dan kebimbangan kepada rakyat, pada masa sama dikhuatiri boleh mencetuskan kemarahan dan rusuhan.



SHAHUL HAMID

“Sekatan konten media sosial wajar dilaksanakan kerana kita bimbang dengan kebebasan sesetengah pemilik akaun yang bersikap tidak sensitif menulis apa saja termasuk menyentuh 3R. Impak yang sangat besar akan terjadi kepada masyarakat apabila media sosial terus dibanjiri hasutan berupa provokasi dan kebencian.

“Jika dilihat pemilik akaun media sosial kini terlalu bebas membuat ‘posting’ sehingga adakalanya mereka terlupa kelantangan itu mencetuskan kemarahan hingga boleh timbulkan kekacauan,” kata Shahul.

Justeru, Shahul berpendapat agar satu badan khas diwujudkan bagi memantau dan menyekat ‘posting’ berbaur provokasi, hasutan dan kebencian.

Katanya tindakan sewajarnya juga perlu diambil ke atas pemilik akaun yang melakukan provokasi sebelum perkara lebih buruk berlaku.

“Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) perlu ada satu badan untuk memantau dan sekiranya ada hantaran yang boleh menimbulkan masalah, padamkan terus dan perlu disusuli dengan tindakan sewajarnya sebelum perkara lebih buruk berlaku.

“Sekatan bukanlah untuk menghalang rakyat daripada bersuara, pemilik akaun masih boleh memuat naik hantaran tetapi bukan dengan sewenang-wenangnya,

lebih-lebih lagi menyentuh 3R hingga boleh mengancam keselamatan.

“Pengguna media sosial juga perlu bertanggungjawab menggunakan medium itu dengan bijak supaya tidak memberi kesan buruk kepada masyarakat,” katanya kepada Wilayahku.

Jelasnya badan atau jawatankuasa khas yang memantau aktiviti pengguna media sosial harus disegerakan kerana bimbang menjadi tidak terkawal hingga boleh berlakunya rusuhan.

“Kita bimbang insiden 13 Mei berulang kembali disebabkan kelantangan pemilik-pemilik akaun media sosial. Jadi sekatan dan pemantauan perlu dilaksanakan serta disegerakan bagi mengelak daripada timbulnya kontroversi dalam kalangan masyarakat,” katanya. 

Keseimbangan kebebasan bersuara, tanggungjawab sosial

ISLAMOFOBIA JADI PENGAJARAN

LAPORAN: AINI MAWAWI, AZLAN ZAMBRY & SERIMAH SALLEHUDDIN

FENOMENA Islamofobia di negara-negara Barat boleh dijadikan iktibar. Serangan di Christchurch, New Zealand, pada 15 Mac 2019, yang mengorbankan lebih 50 orang di masjid, adalah bukti tragis betapa bahaya retorik kebencian.

Menurut Pensyarah Komunikasi Liberal, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi MARA (UiTM), **Nurul Aishah Ab Raman**, kebencian bukan berlaku secara tiba-tiba, ia dipupuk melalui penyebaran maklumat palsu, provokasi agama dan fitnah di platform media sosial dan forum ekstremis selama bertahun-tahun.

“Akhirnya, kata-kata bertukar menjadi tindakan ganas. Kehancuran yang ditinggalkan jauh melebihi sekadar statistik sehingga ia merosakkan rasa percaya, menimbulkan ketakutan dan memecahbelahkan masyarakat.

“Kita perlu belajar bahawa membiarkan konten ekstrem berkembang bebas tidak pernah membawa kebaikan. Ini jelas bahawa ucapan kebencian bukan sekadar ‘pendapat peribadi’ tetapi menjadi senjata berbahaya,” jelas beliau kepada Wilayahku.

Tambahnya fenomena yang membimbangkan ialah kecenderungan netizen untuk memberi ‘like’, komen dan ‘share’ kepada konten provokatif tanpa berfikir panjang.

“Perlu difahami bahawa setiap tindakan kita di dunia digital membawa kesan sebenar. Memberi

‘like’ atau ‘share’ kepada konten berunsur kebencian bermakna kita turut menyumbang kepada penyebarannya.

“Kita perlu bertanya pada diri sendiri sebelum berinteraksi dengan konten sebegini. Adakah ini membantu membina masyarakat yang lebih baik, atau adakah saya sedang menambah minyak ke dalam api?”

“Sikap bertanggungjawab di media sosial bukan pilihan tetapi ia adalah kewajipan moral setiap warganegara. Konten yang tidak ditapis dan keterlaluan berpotensi menjadi pemangkin kepada kekacauan. Dalam masyarakat berbilang bangsa seperti Malaysia, keseimbangan antara kebebasan bersuara dan tanggungjawab sosial amat penting,” tambahnya.

Beliau berkata jika kita membiarkan konten sensitif menyebar tanpa kawalan, ia mengundang risiko perpecahan yang mungkin tidak dapat diperbaiki.

“Sejarah mengajar kita bahawa banyak konflik besar bermula daripada percikan kecil iaitu ucapan kebencian, fitnah hingga provokasi yang diremehkan,” jelas beliau.

Tambah Nurul Aishah tanpa kawalan dan tindakan awal, negara ini boleh terjerumus ke dalam situasi huru-hara yang merugikan semua pihak.

“Budaya provokasi bukan budaya demokrasi, apatah lagi sekiranya yang sengaja dicetuskan untuk mengganggu-gugat keharmonian negara.

“Untuk membendung gejala ini,



tindakan menyeluruh diperlukan. Pertama, undang-undang berkaitan hasutan dan komunikasi perlu dikuatkuasakan dengan tegas dan konsisten tanpa mengira latar belakang pelaku. Tidak boleh ada ruang untuk diskriminasi atau pilih kasih dalam penguatkuasaan.

“Kedua, pendidikan literasi media harus diperluaskan. Rakyat perlu dididik untuk memahami bahawa kebebasan bersuara datang dengan tanggungjawab. Mereka perlu sedar bahawa apa yang dikongsi di media sosial bukan sahaja boleh

mempengaruhi orang lain, malah boleh membawa implikasi undang-undang kepada diri sendiri.

“Ketiga, platform media sosial sendiri perlu lebih proaktif. Mereka harus melaksanakan sistem pengesanan dan sekatan automatik terhadap kandungan berunsur hasutan, selain bekerjasama rapat dengan pihak berkuasa tempatan,” katanya.

Tegasnya, masyarakat bertanggungjawab memastikan ruang digital Malaysia kekal sebagai platform yang sihat, inklusif dan

membina.

“Kebebasan bersuara tidak seharusnya menjadi lesen untuk menyebarkan kebencian. Setiap daripada kita akan meninggalkan jejak digital ia bukan sahaja menggambarkan siapa kita, malah membentuk suasana masyarakat kita.

“Tindakan pantas, pendidikan berterusan, dan kesedaran kolektif adalah kunci untuk memastikan keharmonian negara terus terpelihara, hari ini dan untuk generasi akan datang,” katanya. 

Kebebasan bersuara ada batasannya

BENDUNG UNSUR NEGATIF

DALAM era ledakan digital tanpa sempadan, media sosial kini menjadi medan pertempuran ideologi, emosi dan maklumat, menyebabkan negara-negara di seluruh dunia berdepan cabaran mengawal penyebaran berita palsu, ujaran kebencian dan ekstremisme.

Malaysia juga tidak terkecuali. Ini sekali gus menyaksikan Pertubuhan Langkauan Politik dan Ekonomi Malaysia (LANGKAU) tampil menyatakan sokongan terhadap usaha kerajaan untuk memperkenalkan langkah sekatan terhadap kandungan media sosial yang boleh mengancam keharmonian sosial dan keselamatan negara.

Pengerusinya, **Wan Anwar Wan Ibrahim** berkata sekatan yang dicadangkan itu bukan bertujuan mengekang kebebasan bersuara rakyat, tetapi bagi membendung unsur-unsur yang boleh mencetuskan ketegangan kaum, penghinaan terhadap institusi diraja serta ekstremisme agama.

“Artikel 10 Perlembagaan Persekutuan memang menjamin kebebasan bersuara. Tetapi kebebasan ini ada batasannya. Kita tidak boleh menggunakan hak itu untuk melanggar sempadan yang membabitkan perpaduan nasional,” katanya kepada Wilayahku.

Tambah beliau pengalaman negara sebelum ini, termasuk insiden ketegangan kaum dan ketidakstabilan politik, harus dijadikan iktibar bahawa ruang siber yang tidak terkawal boleh menjadi pemangkin kepada krisis yang jauh lebih besar.

Mengulas lanjut, Wan Anwar menegaskan bahawa tanggungjawab menjaga keharmonian digital bukan sahaja terletak di bahu kerajaan.

“Kerajaan, platform media sosial, badan bebas dan pengguna, semua harus memikul tanggungjawab bersama. Kita perlu membentuk ekosistem digital yang bukan sahaja bebas tetapi juga beradab dan beretika,” jelasnya.

Bagi LANGKAU, Wan Anwar menegaskan pendekatan kawal selia sendiri yang diamalkan oleh banyak platform seperti Facebook dan TikTok menerusi *Community Guidelines* semata-mata dilihat tidak lagi memadai dalam suasana politik dan sosial negara yang semakin kompleks.

“Self-regulation bagus, tetapi kita perlu realistik. Jika isu-isu yang membabitkan hasutan kaum atau ekstremisme timbul, kerajaan harus ada kuasa campur tangan, tetapi secara berhemah dan berdasarkan



kajian mendalam,” katanya.

Sebagai langkah semak danimbang terhadap sebarang usaha sekatan, LANGKAU jelasnya mencadangkan supaya kerajaan menubuhkan satu badan pemantau bebas seperti ‘Ombudsman Media Sosial’.

Badan itu, kata Wan Anwar perlu diberi mandat untuk menilai tahap kebebasan bersuara di Malaysia dan bertanggungjawab terus kepada Parlimen, bukan kepada mana-mana kementerian atau badan eksekutif.

“Setiap dapatan Ombudsman ini, termasuk indeks kebebasan bersuara tahunan, harus dibentangkan di Parlimen dan terbuka kepada perbahasan.

“Ini bagi memastikan sekatan

yang dilaksanakan tidak dijadikan alat politik untuk menekan pihak yang mengkritik kerajaan,” jelasnya.

Beliau turut menegaskan bahawa kewujudan mekanisme semak danimbang yang kukuh akan meningkatkan keyakinan rakyat terhadap komitmen kerajaan dalam menjaga demokrasi.

Wan Anwar memberi amaran bahawa kegagalan untuk bertindak dalam menangani konten berbahaya di media sosial boleh membawa akibat buruk terhadap negara.

“Kita bercakap tentang risiko pergeseran kaum, radikalisasi agama dan hilangnya kepercayaan terhadap institusi nasional. Ini bukan sesuatu yang boleh kita ambil ringan,” katanya.

Beliau mengingatkan bahawa dunia telah menyaksikan bagaimana kegagalan mengawal penyebaran berita palsu dan ujaran kebencian di media sosial telah mencetuskan rusuhan, konflik bersenjata, bahkan keruntuhan kerajaan di beberapa negara.

“Malaysia perlu belajar daripada pengalaman itu. Kawalan konten bukan pilihan, tetapi satu keperluan untuk masa depan negara,” tegas beliau.

Tambahnya LANGKAU menyatakan kesediaan untuk bekerjasama dengan kerajaan dan pihak berkepentingan lain dalam merangka garis panduan kawalan konten yang adil, berimbang dan menepati semangat demokrasi.



WAN ANWAR

Bimbang situasi jadi lebih teruk

BIARPUN telah diberi peringatan berkali-kali oleh pihak berwajib namun ia tidak memberi kesan kepada warganet yang dilihat semakin galak menyentuh isu berkaitan agama, kaum dan institusi diraja (3R) di media sosial.

Malah mutakhir ini ia terus dijadikan bahan provokasi untuk menaikkan kemarahan orang ramai sehingga mencetuskan perbalahan.

Tidak keterlaluan juga rata-rata golongan yang tidak bertanggungjawab ini dilihat sengaja memainkan isu sensitif termasuk 3R semata-mata untuk meraih perhatian ramai sekali gus mengejar populariti di media sosial.

Tinjauan Wilayahku baru-baru ini mendapati rata-rata orang ramai meluahkan rasa bimbang dengan kebebasan bersuara di media sosial yang mampu mempengaruhi dan merubah situasi menjadi lebih buruk.

Menurut warga India, **Mohammed Fazal Ahmed**,



MOHAMMED FAZAL



ZURAWATI



NURSARAH

31, masyarakat di Malaysia seharusnya tidak menimbulkan sebarang provokasi dan perlu lebih bersyukur hidup di negara aman damai yang terdiri daripada berbilang kaum.

“Jadikan kes-kes Islamofobia di negara India contohnya sebagai pengajaran untuk menjaga adab di media sosial supaya isu-isu sensitif tidak sewenang-wenangnya disentuh untuk memburukkan keadaan.

“Di sana (India) di sebahagian tempat, saya dapat lihat, akibat daripada tindakan mereka yang tidak bertanggungjawab di media

sosial mencetuskan provokasi telah menyebabkan masyarakat Islam dibenci.

“Mereka kebanyakannya akan mempercayai apa yang ditulis bulat-bulat menyebabkan setiap tahun situasi Islamofobia semakin membimbangkan,” jelas beliau.

Tambahnya sikap toleransi adalah perkara paling utama yang perlu ada demi kesejahteraan rakyat berbilang kaum.

“Jangan sentuh isu 3R kerana ia sangatlah bahaya dan boleh mendatangkan situasi buruk serta tidak mustahil boleh menyebabkan pertumpahan

darah kerana kelantangan berbicara tanpa memikirkan perasaan orang lain,” tegasnya.

Memberi pandangan sama, **Zurawati Zainal Abidin**, 41, berkata isu agama yang dimainkan sejak kebelakangan ini telah mencetuskan pelbagai reaksi yang negatif dalam kalangan masyarakat.

“Saya lihat warganet gemar berkongsi perkara-perkara yang sensitif semata-mata untuk meraih perhatian. Bermula dari situlah boleh mencetuskan pergaduhan.

“Seharusnya sesiapa sahaja perlu menjaga batasan, jangan pandang remeh hal ini. Jadilah seorang yang peka dan hormat atas sensitiviti orang lain.

“Takkanlah kita nak lihat peristiwa berdarah 13 Mei 1969 berulang sekali lagi. Tragedi ngeri tersebut meragut banyak nyawa serta harta benda.

“Perpaduan antara kaum adalah sangat penting dan sematkan rasa bersyukur hidup di bumi Malaysia. Dalam masa

sama, bagi saya pendidikan bukan sahaja perlu di sekolah tetapi ibu bapa juga perlu memainkan peranan penting. Didik anak supaya kenal dan hormat kawan-kawan mereka daripada berbilang kaum,” jelasnya.

Sementara itu, bagi Nursarah **Susanna Norarman**, 26, pula, memandangkan isu ini semakin berleluasa, pihak kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) perlu mempergiatkan lagi program berbentuk perpaduan mahupun kempen untuk kesedaran masyarakat.

“Namun seiring langkah tersebut, tindakan lebih keras perlu dijalankan untuk menjadi pengajaran kepada orang lain. Sekurang-kurangnya mereka akan berfikir dua kali sebelum membuat hantaran.

“Jika semua pihak memainkan peranan masing-masing menggembelng tenaga mungkin ia lebih berhasil daripada menuding jari menyalahkan antara satu sama lain,” katanya.

Kemunculan berita palsu, sentimen kebencian, kandungan tidak bermoral

TERPERANGKAP DALAM PENCEMARAN MEDIA SOSIAL

ATRIZA UMAR

MEDIA sosial telah menjadi sebahagian yang tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan moden manusia. Di sebalik kemudahan dan kecekapan yang dihipkan, terdapat satu fenomena yang semakin melambak dan membimbangkan iaitu pencemaran media sosial.

Bayangkan sebuah istana kristal yang megah, berkilauan dengan sejuta cahaya teknologi. Inilah media sosial - sebuah dunia maya yang menjanjikan syurga interaksi tanpa sempadan.

Namun, di sebalik kilauan mempesonanya, tersembunyi racun yang senyap-senyap meresap ke dalam jiwa manusia.

Bagaikan mawar yang cantik berduri, setiap 'scroll' dan 'like,' barangkali akan meninggalkan luka yang tak nampak pada penglihatan mata manusia.

Bagaikan sungai jernih yang tercemar oleh sisa toksik, ruang media sosial dibanjiri pelbagai bentuk pencemaran yang mengancam kesejahteraan mental, kehormatan juga sosial masyarakat.

MEREBAKNYA TANPA DIKAWAL

DALAM dunia yang semakin terhubung secara digital dan pantas ini, manusia sering terjebak dalam pusaran maklumat yang tidak berkesudahan. Setiap hari, ribuan paparan skrin menghujani mata dengan kemunculan berita palsu yang

mengelirukan, komen sentimen kebencian yang menyakitkan, hingga kandungan tidak bermoral yang mencemarkan minda.

Setiap saat, rakyat Malaysia terperangkap dalam labirin digital ini, menghabiskan hampir tiga jam sehari dalam dunia maya yang penuh tipu daya juga muslihat ini. Sebahagian kita telah terjebak menjadi boneka dalam layar digital yang tidak berkesudahan, menari mengikut rentak algoritma yang tidak berperasaan.

Ia bukan sahaja mencemarkan ruang maya, tetapi turut menular ke dalam kehidupan nyata, membentuk persepsi, polemik dan tingkah laku yang kurang sihat membarah dalam masyarakat.

Salah satu bentuk pencemaran yang paling ketara adalah penyebaran maklumat palsu atau 'fake news.' Dalam keghairahan untuk berkongsi maklumat, ramai yang tidak mengambil masa untuk mengesahkan kesahihan sesuatu berita mahupun isu sebelum menyebarkannya.

Tindakan yang kelihatan remeh ini boleh membawa implikasi yang besar iaitu daripada merosakkan reputasi individu hingga mencetuskan konflik dalam masyarakat apalagi mencetuskan kontroversi.

Hakikatnya, sekalian kita perlu sedar bahawa setiap klik dan perkongsian membawa tanggungjawab moral yang sangat besar.

Selain itu, budaya 'cyberbullying' atau buli siber semakin berleluasa dan sangat membimbangkan. Di sebalik tabir anonimiti,



sesetengah pengguna media sosial bertindak tanpa belas kasihan, melancarkan serangan peribadi dan komen kebencian yang boleh menghancurkan semangat mahupun keyakinan diri mangsa.

Lebih mencemaskan, golongan remaja dan belia yang masih dalam proses membentuk identiti diri sering menjadi mangsa utama fenomena ini.

Aspek lain yang tidak kurang membimbangkan adalah sindrom 'FOMO' (*Fear of Missing Out*) atau ketakutan ketinggalan. Media sosial telah mewujudkan tekanan untuk sentiasa 'up-to-date' dan terhubung, menyebabkan ramai yang menghabiskan masa berlebihan dalam dunia maya berbanding interaksi bermakna dalam dunia nyata.

Manusia menjadi hamba kepada notifikasi dan 'likes,' mencari pengesahan dan kepuasan dalam metrik digital yang sebenarnya kosong.

Selain itu, terdapat contoh-contoh inspirasi yang menunjukkan bagaimana media sosial boleh digunakan secara positif. Platform yang konsisten berkongsi berita-berita positif dan inspirasi telah menarik lebih ratusan ribu hingga jutaan pengikut yang mahukan kandungan yang memotivasikan.

HARAPAN PEMULIHAN

NAMUN, di sebalik cabaran-cabaran ini, masih ada harapan untuk membersihkan ruang media sosial ini. Langkah pertama adalah dengan memupuk kesedaran digital yang lebih tinggi. Ini bermakna kita perlu lebih bijak dalam menilai maklumat, lebih bertanggungjawab dalam berkongsi kandungan dan lebih beretika berinteraksi dalam talian.

Salah satu bentuk pencemaran yang paling ketara adalah penyebaran maklumat palsu atau 'fake news.' Dalam keghairahan untuk berkongsi maklumat, ramai yang tidak mengambil masa untuk mengesahkan kesahihan sesuatu berita mahupun isu sebelum menyebarkannya.

persekitaran digital yang lebih positif. Ketika seseorang itu memilih untuk berkongsi kandungan yang bermanfaat, memberikan komen yang membina, atau menyokong inisiatif yang positif, ia telah menyumbang kepada pembersihan ruangan digital.

Ingatlah bahawa di sebalik setiap skrin terdapat manusia-manusia yang mempunyai jiwa, perasaan dan maruah yang perlu dihormati apalagi dihargai.

Tentunya pencemaran media sosial adalah cabaran yang memerlukan tindakan kolektif daripada semua pihak. Dengan kesedaran yang tinggi, tindakan yang bertanggungjawab dan komitmen untuk mewujudkan persekitaran digital yang lebih sihat, kita boleh mengubah media sosial menjadi platform yang benar-benar membina dan memperkaya kehidupan.

Ayuh kita bangkit bersama. Jadilah wira digital yang membawa obor pencerahan dalam kegelapan media sosial. Setiap individu boleh menjadi duta kesejahteraan digital dengan mengamalkan penggunaan media sosial yang berhemah dan berhikmah.

Marilah bersama-sama membersihkan 'ruangan media sosial' ini dengan menanam bunga-bunga positif menggantikan rumpai kebencian, virus sentimen dan persepsi apalagi kata-kata kesat.

Biar setiap 'post' menjadi tangga ke arah kebaikan, setiap komen menjadi jambatan yang menghubungkan hati dan setiap perkongsian menjadi benih yang menumbuhkan kebijaksanaan, seterusnya menjadi jariah kebaikan yang bermanfaat di dunia dan akhirat.

Ingatlah, media sosial hanyalah alat. Kita yang menentukan sama ada ia menjadi pedang yang memusnahkan atau perisai yang melindungi. Mari kita mulakan revolusi digital yang membina, bukan menghancurkan lagi memusnahkan. Kerana di hujung jari ini terletak kuasa untuk mengubah dunia maya menjadi syurga atau sebaliknya.

SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.



PEGAWAI KANAN
JABATAN PENDIDIKAN
MASYARAKAT
PERTUBUHAN IKRAM
MALAYSIA

DAKWAAN RASUAH DALAM PEMILIHAN PKR: 'IA TELUS'

MEMETIK cakap-cakap dalam media sosial baru-baru ini, ada dakwaan mengatakan berlakunya rasuah dalam Pemilihan PKR 2025.

Bukan sahaja netizen yang membuat tuduhan tidak berasas itu, malah calon Ketua Cabang Keadilan Kuala Selangor, Faizal Rahman juga mengkritik keras proses pemilihan tersebut yang disifatkannya sebagai sarat dengan diskriminasi, kelemahan sistem dan manipulasi undi yang menghakis asas keadilan sebenar dalam parti.

Namun, Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan bahawa proses pemilihan parti itu dijalankan secara adil dan telus, meskipun terdapat beberapa aduan dan bantahan yang dikemukakan oleh pihak tertentu.

Anwar yang juga Pengerusi Pakatan Harapan (PH) berkata, semua aduan yang diajukan kepada Jawatankuasa Pemilihan Parti (JPP) telah diserahkan kepada juruaudit antarabangsa untuk disemak secara profesional dan bebas.

"Adakah kalau ada aduan itu (pemilihan parti dianggap) tak adil? Itu sangat prejudis hanya kerana ada pihak yang membuat aduan.

"Memang ada aduan dan kita ambil perhatian, sekarang juruaudit antarabangsa sedang semak setiap aduan ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Pecah Tanah Projek Pembangunan Rumah Belia Madani dan Rumah Mampu Milik Mukim Batu, baru-baru ini.



ANWAR ketika berucap pada Majlis Pecah Tanah Projek Pembangunan Rumah Belia Madani dan Rumah Mampu Milik Mukim Batu.

Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa yang juga Pengerusi JPP mengingatkan ahli PKR supaya mengemukakan aduan secara rasmi berhubung salah laku dalam Pemilihan PKR 2025 bagi membolehkan tindakan sewajarnya diambil.

Pemilihan cabang PKR yang berakhir baru-baru ini timbul kontroversi apabila beberapa cabang seperti Selayang, Jempol dan Silam dijadualkan mengadakan semula pemilihan berikutan

bantahan yang diterima.

Sementara itu, Proses Pemilihan PKR 2025 yang telus dan adil adalah asas kekuatan PKR sebagai parti reformasi, kata Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad.

Beliau yang gagal mempertahankan jawatan Ketua Cabang Setiawangsa pada pemilihan kali ini berkata, ada beberapa isu yang wajar dibangkitkan dan akan

menggunakan saluran serta proses parti sewajarnya untuk menyuarakan perkara berkenaan.

"Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua penyokong, jentera dan anggota parti yang telah bersama-sama turut serta.

"Kami akan membiarkan proses rayuan berjalan mengikut peraturan dan ruang yang ditetapkan parti," katanya dalam hantaran melalui X, baru-baru ini.

Tidak ikut telunjuk sesiapa

ISU hangat sehingga ke hari ini masih diperkatakan, apabila kerajaan didakwa 'mengusir' operator lama Menara Kuala Lumpur (Menara KL).

Terdapat segelintir netizen mendakwa kononnya kerajaan tergesa-gesa berbuat demikian kerana desakan oleh pemegang konsesi baharu, LSH Service Master Sdn Bhd (LSHSM).

Maka berduyun-duyunlah netizen menuduh kerajaan tidak habis-habis mengikut telunjuk pihak tertentu apabila DAP mula menjadi 'abang besar'.

Kata mereka, takut kehilangan kuasa menyebabkan pemimpin Melayu sanggup berbuat demikian.

Bukan itu sahaja, Pengerusi PN, Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam satu kenyataan menyifatkan tindakan kerajaan menggunakan pasukan polis serta agensi penguat kuasa bagi mengusir operator lama pada 16 April lalu sebagai mengejutkan dan melampaui norma negara hukum.

"Insiden pengusiran paksa ini menggoncang asas Malaysia sebagai sebuah negara hukum.



MENARA Kuala Lumpur sebelum ini ditutup sementara bagi kerja-kerja penyelenggaraan dan kini telah dibuka semula.

Tidak wajar kerajaan mengetepikan syarikat bumiputera yang telah mengurus Menara KL dengan rekod baik selama bertahun-tahun," dakwanya.

Sebenarnya, tuduhan ini tidak berasas sama sekali kerana tindakan kerajaan mengusir operator lama Menara KL adalah berlandaskan

undang-undang.

Kerajaan sekarang dikenali dengan sikap prihatin dan menegakkan prinsip keadilan, mana mungkin berlaku penindasan. Ini adalah kerajaan terbaik dan paling cemerlang dalam segala segi yang Malaysia pernah ada sejak kemerdekaan negara.

MENARIK WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

5/7/25: IMM KUALA LUMPUR RUN @ Hartamas

17/5/25: The Music Run Kuala Lumpur 2025 @ Stadium Bukit Jalil

23/5 - 1/6/25: Pesta Buku Antarabangsa @ PWTC

8/6/25: Dragon Boat Festival Run @ Taman Tasik Titiwangsa



PUTRAJAYA

10/5/25: EE Run 2025 @ Diamond Building Suruhanjaya Tenaga

11/5/25: Generali Malaysia Run 2025 @ Dataran Wawasan

5/7/25: Ecotrail Putrajaya



LABUAN

26 - 30/7/25: Borneo Flora Festival @ Labuan 2025 @ Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan

26-28/9/25: Borneo Art Festival @ Ujana Kewangan

19/11/25: Remembrance Day @ War Memorial

TALIAN KECEMASAN

Talian Kecemasan Negara (Polis, Bomba, Hospital, Pertahanan Awam, MARITIM): **999**

Talian Kasih KPWK: **15999**

Cyber 999: **1-300-88-2999 / 019-266 5850**

Tawar pengalaman bandar raya hijau, inklusif dan budaya KOMUNITI GLOBAL DIAJAK LAWAT KL

AZLAN ZAMBRY

DATUK Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif** menyeru komuniti diplomatik, pelabur antarabangsa dan pelancong global agar menjadikan ibu negara Malaysia sebagai destinasi utama menjelang Tahun Melawat Malaysia 2026.

Katanya selari dengan kepesatan pembangunan di Kuala Lumpur, bandar raya itu juga merupakan nadi utama ekonomi dan sosial sekali gus menawarkan pengalaman berharga untuk segenap lapisan masyarakat.

"Saya mengajak dunia untuk melihat Kuala Lumpur bukan sekadar sebuah ibu kota, tetapi sebagai sebuah kanvas hidup yang menggabungkan inovasi, warisan dan kemanusiaan dalam satu pengalaman bandar raya yang penuh makna," katanya dalam ucapan di acara Ambassadors' Breakfast with the Mayor di ibu negara baru-baru ini.

Menurut beliau menerusi platform digital VisitKL dan pelbagai acara berteraskan kebudayaan serta kelestarian, Kuala Lumpur bersedia menyambut dunia dengan tangan terbuka dan identiti bandar raya masa depan yang bersifat 'lovable', bukan sekadar 'liveable'.

Dengan tema *A Green, Inclusive and Culturally Vibrant City of the Future*, acara yang menghimpunkan lebih 30 perwakilan diplomatik itu menjadi medan penting untuk membina jaringan kerjasama strategik menerusi kepimpinan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN 2025.

"Kita sedang laksanakan transformasi menyeluruh melalui 15 Program Flagship Kuala Lumpur. Ini termasuk Warisan KL, Pelan Bandar Rendah Karbon, 1 Komuniti 1 Kitar Semula dan program sifar sisa seperti MySaveFood," jelasnya.



MAIMUNAH (tengah) bersama Duta Besar dan Perwakilan Asing pada sesi Ambassadors' Breakfast with the Mayor di ibu negara baru-baru ini.

Menurut Maimunah, sasaran pengurangan intensiti karbon sebanyak 70 peratus menjelang 2030 disokong oleh pelaksanaan pengangkutan hijau, pembangunan 1,000 hektar ruang hijau baharu menjelang 2035, serta perluasan teknologi bandar pintar.

Dalam aspek pelaburan, Kuala Lumpur merekodkan RM9.4 bilion pelaburan diluluskan pada 2024, sekali gus menyumbang kepada RM378.5 bilion pelaburan nasional, peningkatan 14.9 peratus berbanding tahun sebelumnya.

"InvestKL telah menarik lebih RM33.8 bilion pelaburan sejak 2011 dan kini menyasarkan RM50 bilion menjelang 2030. Kuala Lumpur kekal menjadi hab bakat, infrastruktur dan kesalinghubungan global," katanya.

Datuk Bandar turut mengumumkan bahawa Kuala Lumpur akan menjadi tuan rumah kepada tiga acara utama sempena

ASEAN 2025 termasuk Forum Bandaraya Mampan ASEAN, Forum Datuk Bandar ASEAN serta Town Hall COP Malaysia yang pertama.

"Kita bukan hanya membina infrastruktur, tetapi membina kehidupan. Di sebalik setiap angka dan data, ada cerita manusia, anak ke sekolah, ibu pulang dari kerja, keluarga beriadah di taman," katanya.

Beliau juga menegaskan bahawa inisiatif Warisan KL memberi nafas baharu kepada mercu tanda seperti Bangunan Sultan Abdul Samad dan Dataran Merdeka, menarik lebih tiga juta pengunjung setahun dan memacu ekonomi kreatif serta pelancongan budaya.

"Kita mahu warisan menjadi jambatan ke masa depan, bukan hanya untuk dikenang, tetapi untuk dihidupkan," katanya. 

Inovasi hijau cetus impak, tawan hati juri

KUMPULAN Green XX dari Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) meraih tempat keempat dalam Pertandingan Inovasi MALA 3.0 Piala YB Menteri KPKT 2024-2025, sekali gus membawa pulang geran projek bernilai RM100,000.

Pertandingan anjuran Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA) itu menghimpunkan 30 kumpulan inovasi terbaik daripada pelbagai pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh negara, yang bersaing di pentas akhir di Dewan Kenanga, Majlis Bandaraya Johor Bahru, baru-baru ini.

Green XX tampil dengan solusi alam sekitar berimpak tinggi, berfokus kepada pendekatan lestari dan teknologi pemantauan pencemaran bersepadu yang mesra pengguna serta mampu diadaptasi dalam pengurusan bandar moden.

Menurut hantaran di laman Facebook DBKL, projek yang diketengahkan oleh Green XX adalah hasil kolaborasi dalaman antara pegawai teknikal, jurutera dan perancang bandar yang prihatin terhadap isu pencemaran dan pengurusan alam sekitar secara holistik di ibu kota.

Projek tersebut dinilai berdasarkan elemen impak, kebolehpasaran, kebolehgunaan pelaksanaan serta keberkesanan kos dalam konteks tadbir urus PBT.

"Penyertaan ini bukan sahaja mencerminkan daya saing warga DBKL dalam mencetus inovasi berasaskan realiti lapangan, malah membuktikan komitmen kami dalam mendukung matlamat pembangunan mampan sejajar dengan Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040," katanya.

Pertandingan MALA 3.0 ini merupakan inisiatif tahunan yang bertujuan memperkasa budaya inovasi dan daya cipta dalam kalangan PBT seluruh negara. Melalui penganjaran edisi ke-3 ini, peserta dituntut bukan sahaja memikirkan solusi kreatif, tetapi juga membuktikan keberkesanan idea melalui pembentangan, prototaip dan sesi penilaian intensif.

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan oleh Presiden MALA, Datuk Abd Hamid Hussain yang juga Datuk Bandar Majlis Bandaraya Diraja Klang.

Terdahulu, Majlis Bandaraya Ipoh dinobatkan sebagai Juara Pertandingan Inovasi MALA 3.0, manakala Majlis Bandaraya Pulau Pinang di tempat kedua dan Perbadanan Putrajaya (PPj) pula berjaya mendapat tempat ketiga. 

CRIP bukan polisi semata-mata

"**KITA** tidak tunggu perubahan datang dari atas, kita mulakannya dari bawah – dari komuniti, dari rakyat, dari kawasan yang paling terdedah kepada kesan perubahan iklim."

Itu mesej tegas Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif** sempena pelancaran Community Resilience Implementation Plan (CRIP) di bawah Program Ketahanan Iklim Bandar (Urban Climate Resilience Programme) yang berlangsung di Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada Selasa.

Pelan ini melibatkan dua lokasi utama – Kampung Pasir Baru, sebuah penempatan tradisional tepi sungai di Jalan Klang Lama, dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Beringin, kawasan perumahan awam padat di Jinjang Utara.

Kedua-duanya mewakili dua jenis komuniti yang berbeza tetapi

berkongsi cabaran yang sama: risiko banjir, ketidaktentuan iklim dan jurang ketahanan sosial.

Maimunah berkata inisiatif ini adalah contoh jelas bagaimana tindakan iklim global mesti diterjemahkan ke akar umbi, dan Kuala Lumpur tampil ke hadapan sebagai perintis pelaksanaan.

"Di sinilah kita uji kemampuan untuk bertindak dan bukan dengan polisi semata-mata, tetapi dengan pelan yang digerakkan oleh komuniti sendiri. Mereka tahu apa yang berlaku. Mereka tahu di mana air naik. Mereka tahu jalan penyelesaiannya dan mereka mahu menjadi sebahagian daripadanya," katanya.

Turut hadir Pengarah Eksekutif Pembangunan Sosioekonomi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Ismadi Sakirin; Ketua Pegawai Eksekutif Zurich Malaysia, Junior Cho; Ketua Yayasan Z Zurich, Gregory



MAIMUNAH (tengah) ketika Majlis Pelancaran Pelan Daya Tahan Komuniti di Menara DBKL.

Renand dan Pengarah Serantau C40 Cities, Murali Ram.

Pelaksanaan CRIP ini melibatkan kerjasama pelbagai pihak – DBKL, Z Zurich Foundation, Zurich Malaysia,

C40 Cities, agensi teknikal, NGO, dan yang paling utama, penduduk tempatan sendiri.

"Kita amalkan pendekatan 4P: *Public, Private, People, Partnership*.

Ini bukan program satu hala. Ini kerjasama pelbagai lapisan – dari pejabat Datuk Bandar hingga ke surau PPR," tegas Maimunah.

Beliau turut menyatakan bahawa inisiatif ini selari dengan Rangka Struktur Kuala Lumpur 2040, 15 Program Flagship DBKL, serta aspirasi Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

Kuala Lumpur bakal menjadi tuan rumah kepada Forum Perbandaran Mampan ASEAN dan Mesyuarat Datuk Bandar Ibu Kota ASEAN pada Ogos ini, dan menurut Maimunah, CRIP akan menjadi contoh bagaimana tindakan iklim dapat dimulakan secara lokal.

"Kita mahu tunjuk kepada dunia bahawa ASEAN tidak perlu tunggu. Kita sudah mula. Pelan-pelan seperti ini akan jadi bahan rujukan – bukan sahaja di Malaysia, tapi di Melaka, Seberang Prai, dan rakan serantau kita," katanya. 

Kemelut, kontroversi pembangunan Kampung Sungai Baru

TIDAK PINGGIRKAN SESIAPA

METRA SYAHRIL MOHAMED

MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa menegaskan sebagai anak Melayu, tidak pernah terlintas dalam fikirannya untuk meminggirkan sesiapa, apatah lagi bangsa sendiri, dalam isu pembangunan Kampung Sungai Baru.

Malah beliau menegaskan projek pembangunan Kampung Sungai Baru perlu disegerakan tanpa alasan untuk ditangguhkan lagi.

Beliau berkata flat di Kampung Sungai Baru dahulunya hanya dilengkapi dengan satu bilik dan ia benar-benar tidak kondusif selain berdepan masalah penagih dadah melepak.

"Bagaimana mungkin kehidupan seperti itu dikekalkan?"

"Tapi saya hairan, ada pihak sanggup membakar isu perkauman sempit (dalam isu pembangunan kawasan berkenaan). Kemudian mengaitkan

pula dengan isu *gentrification*. Saya mahu tekankan, pembangunan semula ini sifatnya in-situ.

"Kampung Sungai Baru sebagai contoh, hampir 70 peratus penduduk bersetuju, mereka semua orang Melayu dan akan ditempatkan semula mendiami tanah mereka sendiri. Begitu juga jika kita buat di mana-mana tempat lain selepas ini, seperti Flat Seri Perlis, contohnya," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Semarak Aidilfitri Bersama Rakan Media di ibu negara baru-baru ini yang turut dihadiri Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), Datuk Seri Noridah Abdul Rahim.

Untuk itu pihaknya mahu agensi terbabit dalam pembangunan Kampung Sungai Baru memudahkan proses permohonan dan tidak menjadikan penduduk mangsa birokrasi.

Pihaknya tidak mahu rakyat terus menjadi mangsa birokrasi dan isu legasi itu perlu dinoktahkan

segera.

"Kita perlu meletakkan titik noktah dalam isu ini. Pemaju mesti ambil tanggungjawab ini. Bertahun-tahun menunggu Perintah Pembangunan (DO) dan dalam tempoh setahun sahaja kita sudah uruskan serta pastikan DO dikeluarkan.

"Kini, pemaju mesti laksanakan segera pembangunan ini. Tiada alasan untuk bertangguh lagi," katanya.

Pada masa sama beliau menegaskan pihaknya terbuka dan tiada halangan jika ada penduduk yang tidak bersetuju dengan nilai pampasan untuk membawa kes itu ke mahkamah.

"Tetapi apa yang penting dengan pembangunan semula itu, darjat penduduk dapat diangkat apabila rumah bakal mereka terima nanti hampir dua kali ganda lebih besar, dengan sekurang-kurangnya tiga bilik. Penyelenggaraan diuruskan dengan lebih teratur," katanya.



ZALIHA (duduk tengah) bersama barisan rakan media yang hadir memeriahkan sambutan Aidilfitri baru-baru ini.

‘Terima kasih YWP atas bantuan ini’

RASA syukur dan riak wajah gembira jelas terpampang di wajah-wajah penerima Skim Bantuan Awal Institut Pengajian Tinggi (IPT) Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP).

Menurut salah seorang penerima, **Muhamad Hafizzudin Saleh**, 19, bantuan yang diterima membantu meringankan beban keluarga memandangkan bapanya seorang pekebun.

"Saya berterima kasih kepada YWP di atas bantuan yang diberikan kepada para pelajar terutamanya. Sumbangan ini akan membantu pelajar seperti kami meneruskan kehidupan di universiti.

"Semestinya bantuan akan digunakan untuk pembelajaran, bayaran asrama atau keperluan sara diri ketika berada di kampus," katanya kepada Wilayahku.

Muhammad Hafizzudin berkata dia mengetahui mengenai bantuan ini daripada abangnya yang juga pernah menerima Bantuan Awal IPT YWP.

"Alhamdulillah tempoh menunggu tidak lama dan duit yang diterima sebelum semester baru bermula jadi duit ini dapat dimanfaatkan sebaik mungkin.

"Peluang yang saya dapat hari ini tak akan disia-siakan. Terima kasih YWP kerana beri laluan yang mudah di

awal perjalanan saya menuju kejayaan," jelasnya yang merupakan pelajar di Institut Profesional Baitulmal.

Sementara itu, **Siti Alawiyah Zakaria**, 29, berkata

sumbangan yang diterima sedikit sebanyak menyuntik semangatnya untuk terus berjaya.

"Alhamdulillah saya bersyukur ketika mendapat tahu permohonan saya diterima dan duit ini dapat digunakan untuk bayar yuran pengajian.

"Dengan bantuan ini juga saya dapat membeli barang-barang keperluan asas diri seperti baju, kasut dan sebagainya untuk dibawa ke universiti," katanya yang menuntut di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Dalam masa yang sama dia juga berharap YWP dapat terus membantu lebih ramai lagi pelajar dan mereka yang tidak berkemampuan terutamanya di Wilayah

Persekutuan.

Terdahulu, Skim Bantuan Awal IPT adalah bantuan kewangan di bawah inisiatif YWP untuk anak-anak daripada keluarga berpendapatan rendah di Wilayah Persekutuan yang berjaya melanjutkan pengajian ke Insititusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta (IPTA/IPTS).



HAFIZZUDIN



SITI ALAWIYAH

Sumbangan buku PENA melebihi RM2.4 juta

PROJEK Penerbitan Buku PENA-Malaysia MADANI mencatatkan keseluruhan sumbangan buku kepada institusi pendidikan dan perpustakaan awam melebihi RM2.4 juta.

Menurut Pengarah Projek Penerbitan Buku PENA-Malaysia MADANI, **Mohd Khair Ngadiron**, projek yang digerakkan oleh Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENA) bermula pada 1 Ogos tahun lalu, telah berjaya mengumpulkan sebanyak 439 manuskrip daripada penulis-penulis Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum dan latar usia.

"Nilai keseluruhan sumbangan buku kepada institusi pendidikan dan perpustakaan awam adalah sebanyak RM2,509,500, merangkumi RM1,434,500 kepada Kementerian Pendidikan (KPM), melibatkan pengedaran 400 naskhah dan 123 judul ke sekolah-sekolah terpilih.

"Sebanyak RM1,075,000 kepada Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), melibatkan pengedaran 300 naskhah dan 123 judul ke perpustakaan awam seluruh negara. Jumlah keseluruhan pengedaran buku adalah sebanyak 86,100 naskhah," katanya.

Mohd Khair berkata kejayaan besar ini tidak akan tercapai tanpa komitmen dan dukungan kuat daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang



FADHLINA (dua kiri) menerima replika cek sumbangan Buku PENA.

telah meluluskan peruntukan khas RM2.5 juta bagi pelaksanaan Projek Penerbitan Bahan Bacaan Karya Asli Bertemakan Karya Kreatif dalam Bahasa Melayu di bawah Belanjawan 2024 melalui Kementerian Kewangan.

Menurutnya buku yang diterbitkan meliputi pelbagai genre dan bidang termasuk Novel Dewasa, Novel Remaja, Novel Kanak-kanak, Kumpulan Cerpen, Kumpulan Puisi, Buku Umum, Buku Bergambar Kanak-kanak dan Drama Pentas.

"Projek ini bukan sahaja berjaya menghasilkan naskhah-naskhah yang bermutu tinggi, malah memberikan peluang dan ruang kepada penulis-penulis tempatan untuk berkarya secara profesional.

"Ia menyumbang secara langsung kepada pembangunan

industri buku negara serta mengangkat tinggi martabat bahasa Melayu dalam dunia penerbitan arus perdana," katanya.

Tambahnya kejayaan pelaksanaan projek ini dijangka memberikan impak signifikan terhadap peningkatan indeks pembacaan (*readability index*) kebangsaan, memperkukuh industri penerbitan tanah air dan menyediakan bahan bacaan kreatif yang berdaya saing serta sesuai untuk semua lapisan masyarakat.

Terdahulu Projek Penerbitan Buku PENA-Malaysia MADANI mengadakan penyerahan rasmi sumbangan buku kepada KPM dalam Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian tersebut dan telah disempurnakan oleh Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek.

SINDROM A DALAM PEPERIKSAAN

KU SEMAN KU HUSSAIN

PADA hari pengumuman keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) baru-baru ini, pelajar yang 'tidak cemerlang' kerana sedikit atau langsung tidak ada A seperti tidak ada masa depan. Pelajar yang mendapat banyak A pula terpampang di media sosial keluarga atau sahabat handai.

Ucapan tahniah datang berjela-jela.

Jumlah A seolah-olah menjadi petunjuk masa depan, sama ada yang gagal atau berjaya dengan cemerlang dalam kehidupan. Tanggapan itu seperti memberitahu bahawa mendapat banyak A adalah lebih terjamin, sekalipun banyak lagi liku-liku yang harus dilalui sebelum memasuki alam kerjaya.



PENULIS BEBAS


Walau bagaimanapun hal itu bukanlah suatu yang memeranjatkan kerana di peringkat tadika pun sudah ada majlis konvokesyen. Sudah ditanam awal-awal lagi bahawa akademik satu-satunya tiket untuk berjaya dalam hidup. Sekolah tadika juga berlumba-lumba untuk tampil hebat sekalipun majlis konvokesyen itu tidak perlu sama sekali.

Masyarakat yang cakna pendidikan tidak menjadikan A sebagai matlamat utama. Akademik hanya sebahagian daripada pendidikan yang menekankan tentang akhlak dan pembelajaran sepanjang hayat. Pendidikan adalah suatu yang membuatkan seseorang memahami manusia.

Tetapi malangnya stigma umum terhadap golongan yang gagal mencatatkan pencapaian cemerlang dalam peperiksaan dianggap gagal. Ya, benar kali ini mereka gagal. Sekalipun begitu kegagalan bukanlah hak mutlak dan ruang untuk mengubah keadaan terbuka luas.

Saya kerap memerhati dan berasa amat kasihan dengan anak-anak yang malang itu. Mereka malang bukan kerana gagal, tetapi disebabkan oleh sikap sesetengah ibu bapa yang kurang memahami erti kejayaan dan kegagalan. Banyak yang terpengaruh dengan stigma sempit dalam memahami perbezaan antara peperiksaan, akademik dan kehidupan.

Kalau boleh mereka tidak mahu bercakap tentang kegagalan itu dengan masyarakat.



JUMLAH A yang diperoleh seolah-olah menjadi petunjuk seseorang sama ada mereka gagal atau berjaya dalam kehidupan.

Sedangkan anak-anak memerlukan sokongan moral dalam berdepan dengan stigma 'gagal' yang berkumandang di sekeliling kehidupan mereka. Tidak banyak ibu bapa yang bangkit dan mendukung anak-anak yang mungkin jatuh dengan stigma yang sangat tidak tepat itu.

Kalau anak mendapat keputusan cemerlang, media sosial keluarga penuh dengan gambar-gambar kegembiraan. Berulang-ulang disebutkan jumlah A dalam mata pelajaran yang diambil dalam SPM. Pencapaian awal itu ditekankan sebagai penentu sekian banyak peperiksaan sebelum melangkah ke dunia kerjaya.

Peliknya hampir tidak ada keluarga yang membuat hantaran di media sosial mengenai anak-anak yang mendapat dua atau tiga A sahaja. Atau langsung tidak ada A. Barangkali dihambat rasa rendah diri, kecewa dan hampa apabila memahami kegagalan awal sebagai lorong yang kelam.

Tambahan pula pihak birokrat, pelaksana dan pembuat dasar yang juga kelihatan amat teruja dengan jumlah A yang banyak. Kejayaan sistem pendidikan di sesebuah negara tidak

bergantung sepenuhnya kepada keputusan peperiksaan, tetapi kualiti modal insan yang dilahirkan.

Masyarakat, terutamanya ibu dan bapa tidak boleh kecewa dengan perkara yang tidak sepatutnya. SPM dilihat terlalu awal untuk dijadikan kayu ukur melihat jangkauan pada masa depan. Maka jangan gelapkan lorong anak-anak dengan kekecewaan yang tidak kena pada tempatnya.

Kalau benar sekalipun SPM menjadi petunjuk gagal atau cemerlang dunia akademik, hakikatnya pencapaian akademik bukanlah ukuran kejayaan dalam kehidupan yang sebenar. Tidak wajar menyempitkan hingga menganiaya masa depan anak-anak yang sentiasa ada ruang untuk cemerlang tanpa A yang berderet.

Benarkah pelajar yang sedikit atau langsung tidak ada A dalam SPM berdepan kesulitan dalam menjalani kehidupan? Benarkah yang memperoleh banyak A sudah tercermin laluan lurus masa depannya? Atau benarkah A sudah menjadi satu tanda aras menentukan masa depan seseorang?

Dalam kegembiraan dan juga 'kebanggaan' memperkatakan tentang A dalam SPM, kita tidak boleh melupakan yang tidak cemerlang. Memang benar keputusan peperiksaan itu menjadi pintu sama ada berjaya atau tidak ke institusi pengajian tinggi.

Hakikatnya, sama ada cemerlang atau gagal dalam SPM, perjalanan dalam meniti garis masa kehidupan masih terlalu jauh dan dipengaruhi oleh banyak faktor lain. Banyak perkara yang mesti dilalui tidak kira sudah gagal atau cemerlang dalam sesuatu peperiksaan.

Bukan sahaja SPM malah di peringkat universiti pun kecemerlangan akademik bukanlah satu tanda aras untuk berjaya dalam kehidupan. Maknanya memberikan tanggapan bahawa cemerlang dalam SPM itu adalah satu sinar kejayaan adalah tanggapan yang amat tidak tepat.

Kejayaan adalah satu konsep yang subjektif dan sering dikaitkan dengan pencapaian memburu matlamat dan memenuhi potensi diri. Ia melangkaui pencapaian dari sudut akademik semata-mata. Makna kejayaan semestinya merangkumi pertumbuhan peribadi, kesejahteraan jiwa dan sumbangan kepada masyarakat.

Seseorang yang cemerlang dalam akademik, menggenggam pelbagai ijazah,

menduduki aras teratas dalam kerjaya belum cukup untuk dikelaskan sebagai berjaya dalam hidup. Kejayaan yang sebenar adalah apabila terbina keyakinan pada diri sendiri dan wujud hubungan interpersonal yang cemerlang.

Makna kejayaan hidup lebih kepada mencari keseimbangan antara kerjaya, sumbangan kepada masyarakat dan berupaya membangunkan sisi peribadi yang unggul. Dalam hubungan itu, pencapaian dalam akademik memang turut menyumbang, tetapi hanya sebahagian kecil daripada makna kejayaan yang begitu besar.

Kejayaan akademik berperanan sebagai pembuka pintu kepada pelbagai tujuan dalam menjalani kehidupan. Masa yang sama ilmu dalam akademik perlu dimanfaatkan untuk membina landasan dalam mengembangkan potensi diri terhadap sesuatu bidang atau kerjaya.

Maka kejayaan yang sebenar adalah melibatkan hubungan yang bermakna dengan orang lain, menjalani kehidupan yang selari dengan prinsip dan 'memulangkan' kembali iaitu sumbangan kepada masyarakat. Sumbangan itu tidak semestinya wang ringgit atau benda, mengalirkan pemikiran yang membina juga adalah satu sumbangan.

Maknanya kalau hidup dengan kaya-raya hingga tujuh keturunan sekalipun, belum dianggap berjaya sekiranya tidak menyumbangkan sesuatu kepada masyarakat. Kalau dihubungkan dengan cemerlang dalam akademik, kejayaan yang sebenar adalah apabila ilmu yang dimiliki dimanfaatkan untuk kesejahteraan masyarakat.

Untuk hal-hal yang disebutkan, seseorang itu perlu memahami peranannya, bukan sahaja kepada ketua atau organisasi, tetapi juga kepada masyarakat. Hidup bukan sahaja tentang sesuatu yang kita dapat, tetapi juga apa yang disumbangkan untuk kesejahteraan umum tanpa memikirkan balasan.

Maka jangan pinggirkan anak-anak yang ketika ini dilihat sebagai gagal dan tidak cemerlang dalam akademik. Hakikatnya keadaan yang melingkari manusia berubah-ubah. Apa lagi akademik bukanlah satu-satunya yang menghamparkan lorong yang terang dalam kehidupan.

SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.

RAGAM KOTA

MATOMATO



Sebarang maklumat berhubung **Editorial Wilayahku**, sila hubungi alamat tertera:
Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.
 Tel: 03-8861 5260 | E-mail: editorialwilayahku@gmail.com



Bil 311 . 2-8 MEI 2025

VERTIGO

ANCAMAN DALAM DIAM

►►10-11

BUKAN SEKADAR PENING BIASA

DIANA AMIR & SABRINA SABRE

PENYAKIT vertigo semakin mendapat perhatian dalam kalangan rakyat Malaysia apabila ramai yang mengadu mengalami gejala pening kepala yang teruk hingga menjejaskan aktiviti harian.

Bagi sesetengah individu, rasa pening kepala adalah perkara biasa yang datang dan pergi. Namun bagi pesakit vertigo, ia adalah satu cabaran yang boleh menggugat kehidupan harian, menyebabkan ketidakselesaan fizikal dan emosi serta membataskan aktiviti seharian.

Walaupun vertigo sering dikaitkan dengan masalah kesihatan seperti gangguan pada telinga dalam atau sistem saraf, pakar perubatan menegaskan bahawa perubahan gaya hidup boleh memainkan peranan penting dalam mengurangkan serangan dan meningkatkan kualiti hidup pesakit.

Menurut Pengamal Perubatan, **Dr Amalina Azmi**, vertigo bukan sekadar pening biasa. Ia adalah keadaan di mana pesakit merasakan dunia sekelilingnya berputing, walaupun sedang duduk atau berbaring.

“Vertigo, sejenis gangguan keseimbangan yang menyebabkan seseorang berasa dunia di sekelilingnya berputar, merupakan masalah kesihatan yang semakin mendapat perhatian di Malaysia.

“Statistik terkini Kementerian Kesihatan (KKM) menunjukkan peningkatan kes vertigo, terutama dalam kalangan golongan berumur antara 30 hingga 60 tahun.

“Vertigo boleh berpunca daripada pelbagai faktor seperti masalah telinga dalam, gangguan saraf, migrain ataupun jangkitan virus.

“Ramai yang anggap vertigo ini cuma sakit kepala biasa dan hanya perlu rehat, tetapi sebenarnya ia boleh jadi petanda masalah yang lebih serius seperti gangguan pada telinga dalam, saraf atau otak,” katanya kepada Wilayahku.

Amalina berkata antara gejala vertigo termasuk rasa berputing, loya, muntah, kehilangan keseimbangan dan sukar fokus. Jika tidak dirawat, ia boleh menyebabkan pesakit jatuh terutama golongan warga emas, serta menjejaskan kerja dan kehidupan seharian.

Menurut beliau, rawatan vertigo tidak seragam untuk semua pesakit dan ia bergantung kepada punca yang dikenal pasti selepas pemeriksaan menyeluruh dilakukan.

“Bagi vertigo posisi paroksismal jinak (BPPV), iaitu jenis vertigo paling biasa, kaedah *Epley maneuver* digunakan untuk mengalihkan partikel kalsium kecil yang tersilap berada di bahagian telinga dalam.

“*Epley maneuver* merupakan teknik manual yang mudah tetapi sangat efektif. Ia biasanya dilakukan oleh pakar fisioterapi

atau doktor yang terlatih, dan dalam kebanyakan kes, pesakit menunjukkan pemulihan segera.

“Untuk kes vertigo yang kronik atau berulang, disyorkan untuk melakukan fisioterapi vestibular. Ia merangkumi senaman yang direka khas untuk menguatkan sistem keseimbangan badan. Pesakit akan diajar untuk lakukan pergerakan tertentu yang membantu otak menyesuaikan diri dengan isyarat keseimbangan yang tidak normal,” katanya.

Beliau berkata keberkesanan fisioterapi vestibular kini semakin diiktiraf.

“Ramai pesakit vertigo berjaya kembali menjalani aktiviti harian seperti biasa dalam tempoh empat hingga lapan minggu terapi berterusan.

“Seterusnya dalam sesetengah kes, ubat-ubatan seperti antihistamin (contohnya meclizine) atau ubat penenang vestibular digunakan untuk mengurangkan simptom pening, mual dan muntah. Bagi vertigo akibat jangkitan virus, ubat anti-radang atau steroid mungkin diperlukan untuk meredakan keradangan saraf,” jelasnya.

Namun, Amalina menegaskan bahawa ubat-ubatan hanyalah penyelesaian jangka pendek.

“Ia penting untuk mengawal simptom akut, tetapi penyelesaian jangka panjang memerlukan pendekatan rehabilitasi dan pengurusan gaya hidup.

“Ramai pesakit vertigo bergantung sepenuhnya kepada ubat-ubatan, sedangkan pengurusan harian yang lebih holistik boleh memberikan kesan jangka panjang yang lebih baik.

“Pesakit vertigo perlu peka terhadap pencetus serangan mereka. Ini termasuk tidur tidak mencukupi, tekanan berlebihan, pengambilan kafein berlebihan dan perubahan posisi kepala secara mendadak,” katanya.

UBAH GAYA HIDUP

SELAIN rawatan perubatan, perubahan gaya hidup juga memainkan peranan besar dalam pengurusan vertigo.

Beliau berkata menguruskan tekanan emosi dan tidur yang mencukupi juga penting kerana tekanan dan kurang tidur boleh memperburukkan episod vertigo.

“Kita menggalakkan pesakit mengamalkan teknik relaksasi seperti pernafasan dalam, meditasi dan yoga ringan.

“Beberapa perubahan gaya hidup yang disarankan termasuk tidur yang teratur dan mencukupi kerana badan yang letih mudah mencetuskan serangan vertigo.

“Seterusnya kekalkan hidrasi. Dehidrasi merupakan antara penyebab pening dan rasa tidak stabil. Kurangkan kafein dan garam, elakkan pergerakan kepala yang mendadak terutamanya

ketika bangun dari tidur atau menunduk secara tiba-tiba serta lakukan senaman ringan dan teknik pernafasan yang mana ia akan membantu menenangkan sistem saraf dan meningkatkan keseimbangan badan.

“Perubahan ini mungkin kelihatan kecil, tetapi bagi pesakit vertigo, ia adalah perbezaan antara hidup yang terbatas dan hidup yang bebas bergerak,” katanya.

Amalina juga menasihatkan orang ramai supaya tidak mengambil mudah gejala ini dan

segera mendapatkan pemeriksaan doktor sekiranya mengalami vertigo berulang.

“Saya sarankan agar masyarakat mendapatkan diagnosis tepat jika sering mengalami gejala seperti rasa berputing, loya, atau tidak stabil. Rawatan bukan sekadar ubat. Pendidikan kesihatan dan perubahan gaya hidup adalah kunci jangka panjang.

“Vertigo mungkin tidak boleh disembuhkan sepenuhnya dalam semua kes, tetapi dengan pendekatan menyeluruh dan

disiplin dalam menjaga gaya hidup, ramai pesakit dapat menikmati hidup yang lebih tenang dan aktif.

“Kadang-kadang pesakit tak sedar punca sebenar. Ada yang berpunca daripada jangkitan virus, migrain atau masalah saraf. Lebih cepat dirawat, lebih mudah untuk kawal.

“Vertigo mungkin kelihatan seperti masalah kecil, tetapi jika diabaikan, ia boleh menjejaskan keselamatan dan kesejahteraan hidup seseorang,” katanya. 



ANDA MEMPUNYAI MASALAH VERTIGO?



Dapatkan pemeriksaan dan rawatan daripada doktor di klinik yang berhampiran.

Dapatkan rujukan untuk berjumpa dengan mana-mana profesion seperti berikut:

1. ENT
2. AUDIOLOGI
3. NEUROLOGI
4. FISIOTERAPI
5. CARDIOLOGI
6. ENDOKRINOLOGI
7. PSIKOLOGI / PSIKIATRI
8. TERAPI CARA KERJA



"PERGERAKAN SEIMBANG, HIDUP KEMBALI BERMAKNA

SUMBER: MALAYSIA HEARS

VERTIGO

Vertigo adalah **gejala di mana seseorang berasa persekitaran atau diri sendiri berputar.**

RAWATAN KECEMASAN



Tarik nafas, jangan panik.



Jangan pejam mata, fokus pada satu objek.



Cari tempat untuk duduk atau baring dan tunggu sehingga gejala hilang.



Jangan tidur dalam keadaan terlalu gelap waktu malam.



Dapatkan rawatan sekiranya berlaku serangan kali kedua



Jangan memandu/berhenti memandu ketika mengalami gejala vertigo atau khawatir akan mengalami vertigo.

Pastikan anda sentiasa berteman.



Jangan ambil mudah

UMUM mengetahui vertigo berlaku disebabkan gangguan keseimbangan dalam tubuh yang bergantung kepada sistem deria mata, saraf dan bahagian dalam telinga. Namun tidak dinafikan, kurang rehat, banyak berfikir mahupun kurangnya tidur yang berkualiti menjadi antara faktor vertigo 'menyerang' seseorang.

Berkongsi pengalaman diserang vertigo, pelakon dan pengacara, **Janna Nick**, 30, berkata kesibukan kerjaya dan aktiviti harian yang padat menjadi punca dirinya terpaksa mendapatkan rawatan di hospital.

"Apabila menghidap vertigo, saya jadi tak lalu makan, muntah berterusan dan tak boleh berdiri serta mengimbangkan badan dengan betul.

"Bila berdiri lama sikit saja rasa nak pitam, kepala rasa sakit dan tak selesa. Rasa macam di awang-awangan," katanya.

Janna berkata tidak mahu peristiwa sama berulang dia sentiasa memastikan dirinya mendapatkan rehat yang secukupnya.

"Walaupun mempunyai jadual yang padat, saya akan cari



JANNA

waktu untuk rehat secukupnya dan pastikan mempunyai tidur yang berkualiti.

"Seterusnya, jangan paksa diri untuk buat sesuatu ketika penat dan elakkan daripada menambahkan stres pada diri sendiri.

"Apa yang saya selalu amalkan selepas bangun daripada tidur jangan terus berdiri, baca doa dan selawat terlebih dahulu baru bangun supaya badan kita tak terkejut seterusnya hilang keseimbangan," pesannya jangan mengambil mudah mengenai penyakit tersebut.

Sementara itu, Datin Alyah atau nama sebenarnya Noor Hasliah Abu Hassan, 44, berkongsi pengalamannya menjaga pesakit vertigo yang merupakan suaminya, Datuk Ramli MS.

Menurut Alyah suaminya yang lebih mesra dengan panggilan Tok Ram pernah beberapa kali diserang vertigo.

"Sebelum ini pernah empat kali dia mengalaminya dan paling teruk ketika berada di Singapura tahun lalu. Pernah sekali ketika tengah makan dia berasa pening, tidak boleh berjalan dan membuatnya terduduk seketika.

"Pernah ketika saya sedang menuju ke acara usrah, Tok Ram

telefon dan beritahu dia menggigil apabila diserang vertigo. Ia amat bahaya kerana boleh berlaku tiba-tiba sahaja," kongsiannya.

Bagi mengelakkan perkara sama berulang, Alyah juga akan memastikan Tok Ram mengikut arahan doktor yang mahukannya menjaga gaya hidup.

"Doktor cakap, Tok Ram perlu seimbangkan gaya hidupnya. Dalam bekerja, Tok Ram perlu banyakkkan rehat. Memang dia tidur, tetapi dalam fikirannya macam-macam terlintas. Jadi tidur pun kurang berkualiti.

"Tambahan pula sekarang sudah ada studio di rumah, jadi dia akan bekerja lebih kuat dan lebih banyak masa dihabiskan dalam studio. Isteri mana tak risaukan suami yang sakit. Jadi saya kurangkan aktiviti di luar kerana kami tiada orang gaji, apa-apa semua saya buat sendiri," katanya yang rela berkorban apa sahaja demi suami.

Menyentuh soal gaya hidup suaminya, Alyah berkata Tok Ram sangat menjaga kesihatan terutama dalam soal makan dan minum namun terlalu komited bekerja sehingga lupa untuk berehat.

Dalam pada itu, Fizo Omar dan Salina Saibi juga merupakan antara artis popular yang pernah diserang penyakit tersebut dan menasihatkan orang ramai untuk tidak mengambil mudah mengenai vertigo.

MUSIM BUBUK DI LABUAN

AM HALIM

KEHADIRAN bermusim udang geragau memberi pendapatan tambahan kepada nelayan di Labuan.

Nelayan tempatan mengusahakan udang geragau untuk dibuat belacan terutama di jeti Anjung Ketam, Kampung Tanjung Aru.

Aktiviti menjaring udang geragau atau lebih dikenali dalam bahasa tempatan Kedayan-Brunei sebagai 'bubuk' dilakukan oleh

nelayan tempatan di sini seawal waktu pagi sebelum dinaikkan ke pantai, ditimbang serta dibungkus untuk dijual, atau dijemur untuk dikeringkan.

Musim bubuk pada kebiasaannya berlaku antara Disember hingga Mac setiap tahun. Bubuk yang ditangkap bukan sahaja dijual secara mentah, malah diolah menjadi belacan, produk makanan tradisional yang sangat diminati.

Proses pembuatan belacan agak rumit serta memerlukan ketelitian, kerana udang yang dibersihkan perlu dijemur, ditumbuk dan dibentuk menjadi blok belacan yang bermutu tinggi.

Selain dijadikan belacan atau cencaluk, bubuk sering dijadikan bahan campuran dalam masakan seperti mi dan nasi goreng serta sayur. Ia juga enak dibuat cucer untuk sarapan pagi mahupun minum petang. 





Taman Rimba Alam simpan pelbagai spesies pokok

KHAZANAH BUAT PENCINTA ALAM

DIANA AMIR

DIKENALI sebagai bandar pintar dalam taman, Putrajaya dikelilingi lebih 10 taman awam di mana setiap satunya mempunyai keunikan dan kelebihan tersendiri.

Bagi peminat sukan lasak, pastinya tidak asing lagi dengan Taman Rimba Alam yang terletak di antara Presint 14 dan 15 di bahagian timur Putrajaya.

Taman yang bersempadan dengan Presint Diplomatik dan kawasan kediaman ini berkonsepkan perhutanan bandar, yang menggabungkan ekosistem hutan tropika, sungai yang mengalir dan kemudahan taman seperti denai alam semula jadi, kawasan pemandangan serta kawasan perkemahan.

Terkenal dengan jolokan 'Khazanah Alam Putrajaya', Taman Rimba Alam merupakan sebuah taman yang menghimpunkan pelbagai spesies pokok hutan di Malaysia dengan keluasan kira-kira 400 hektar.

Menurut Pengarah Rekreasi dan Operasi Taman, Jabatan Landskap dan Taman, Perbadanan Putrajaya (PPj), **Aida Farisa Ebrahim@Ibrahim**, Taman Rimba Alam merupakan antara Taman Metropolitan di Putrajaya dan dibangunkan sebagai hutan bandar dengan konsep pemuliharaan yang membolehkan orang ramai menikmati alam semula jadi.

"Ciri-ciri utama taman ini adalah Hutan Tropika Dipterokarp yang menempatkan pelbagai spesies hutan hujan tropika termasuk pokok-pokok seperti Cengal, Keruing Merah, Melapi Agama, Melantai, Tualang serta buah-buahan hutan nadir.

"Selain itu, ia juga berkonsepkan perhutanan bandar yang menggabungkan ekosistem semula jadi dengan kemudahan taman seperti denai alam semula jadi, kawasan pemandangan dan kawasan perkemahan," katanya.

SUSURI DENAI ALAM

MENGULAS lanjut, Aida Farisa berkata antara aktiviti yang boleh dilakukan adalah Denai Kembara dan aktiviti rekreasi.

"Di Taman Rimba Alam ini terdapat denai sepanjang 1.2 kilometer dan dua kilometer yang sesuai untuk aktiviti *hiking*. Ia menawarkan pengalaman santai menyusuri denai alam semula jadi sambil menikmati keindahan flora tropika Malaysia dan pengunjung dapat merasai ketenangan hutan bandar tanpa perlu keluar jauh dari Putrajaya.



"Kita juga menawarkan aktiviti lain seperti berbasikal, joling, *treasure hunt*, *orienteering*, lawatan berpandu, memerhati burung dan berjalan santai," katanya tiada bayaran masuk dikenakan kepada pengunjung.

Tidak menafikan Putrajaya mempunyai pelbagai destinasi

menarik termasuk taman-taman awam yang lebih popular, Aida Farisa berkata pihaknya perlu bijak dalam mempromosi keunikan setiap taman agar orang ramai tahu mengenai kewujudan taman-taman lain di pusat

pentadbiran itu.

"Antara keistimewaan Taman Rimba Alam adalah ia dibangunkan sebagai sebahagian daripada projek pemuliharaan hutan di kawasan bandar, menjadikannya ruang hijau penting untuk biodiversiti tempatan.

"Selain itu, taman ini juga sesuai untuk aktiviti pembelajaran luar bilik darjah, seperti lawatan berpandu, pemerhatian burung, dan program konservasi untuk pelajar dan pelancong.

"Buat mereka yang sukakan suasana tenang dan privasi, taman ini adalah lokasi tepat kerana ia kurang sesak berbanding lokasi popular lain seperti Taman Botani dan Taman Wetland," katanya.

Dalam usaha mengekalkan Taman Rimba Alam sebagai paru-paru hijau Putrajaya, Aida Farisa berkata antara perkara yang dititikberatkan adalah program pendidikan dan kesedaran bersama komuniti melalui bengkel alam sekitar atau lawatan berpandu untuk mendidik pengunjung tentang pentingnya memelihara taman.

"Seterusnya, pihak perbadanan akan memastikan spesies pokok

hutan tropika yang ditanam kekal sihat dan biodiversiti tempatan terpelihara dengan mengelakkan sebarang pembangunan yang boleh mengganggu habitat flora dan fauna.

"Bagi keselesaan pengunjung pula, kita akan memastikan denai, papan tanda, kawasan rehat, tandas dan tempat berteduh sentiasa diperiksa, dibaiki dan dibersihkan serta menyediakan tong sampah yang mencukupi sekali gus memperkasa program kesedaran tentang 'bawa balik sampah'.

"Penglibatan agensi kerajaan, NGO alam sekitar, sekolah dan komuniti setempat dalam program sukarelawan dan pemeliharaan taman juga adalah penting," jelasnya sambil menambah pihaknya juga bertanggungjawab menyediakan pelan pengurusan bencana seperti langkah pencegahan kebakaran hutan kecil dan pemulihan selepas ribut.

Berkongsi mengenai penambahbaikan yang akan dilakukan, Aida Farisa berkata beberapa inisiatif telah dan akan dilaksanakan.

"Taman Rimba Alam mengamalkan konsep perhutanan semula (*reforestation*), di mana penanaman pokok-pokok hutan asli dan buah nadir dilakukan secara berterusan yang mana usaha ini selaras dengan matlamat menjadikan Putrajaya sebagai 'Bandar Dalam Taman' yang menekankan keseimbangan antara pembangunan dan kelestarian alam sekitar.

"Selain itu, PPj juga melaksanakan program restorasi pokok penghijauan sebagai usaha berterusan untuk memulihara kawasan hijau di Putrajaya, termasuk Taman Rimba Alam. Program ini melibatkan penanaman pelbagai spesies pokok hutan dan buah nadir untuk meningkatkan biodiversiti dan kualiti ekosistem taman.

"Akhir sekali, sebagai sebahagian



daripada inisiatif menjadikan Putrajaya sebagai Bandar Rendah Karbon, terdapat usaha untuk meningkatkan kecekapan tenaga dan penggunaan sumber secara lestari di seluruh bandar, termasuk kawasan taman seperti Taman Rimba Alam.

"Inisiatif-inisiatif ini menunjukkan komitmen berterusan PPj dalam memelihara dan meningkatkan nilai Taman Rimba Alam sebagai destinasi eko-pelancongan dan pendidikan alam sekitar," katanya.

PELIHARA KELESTARIAN PAMERAN HUTAN

DALAM memastikan kelestarian pameran hutan buatan di Putrajaya sentiasa dipelihara, bahagian Botani PPj memainkan peranan penting.

Aida Farisa berkata bahagian Botani akan merekodkan dan menilai semula status koleksi spesies tumbuhan yang telah ditanam sewaktu pembangunan Taman Rimba Alam (TRA) melalui pengecaman dan pengemaskinian inventori koleksi tumbuhan TRA.

"Seterusnya mengenal pasti dan merekodkan spesies tumbuhan yang muncul selepas pembangunan TRA serta melaksanakan penanaman pokok-pokok spesies

hutan sama ada terancam, langka, dan sebagainya.

"Pihak tersebut juga akan menguruskan lawatan teknikal berkaitan koleksi hutan dipterokarp, hutan buatan, hutan bandaran dan ekologi kepada pihak berkepentingan serta setiap permohonan aktiviti pendidikan dan penyelidikan yang ingin dijalankan di TRA seperti penggunaan lokasi TRA bagi pembelajaran kaedah pensampelan quadrat bagi penilaian ekologi kepada pelajar universiti; Kajian Fungi di Hutan Buatan dan Bandaran; Kajian Penyelidikan Komposisi Floristik di TRA dan lain-lain.

"Penilaian peranan Taman Rimba Alam sebagai Hutan Buatan dan Bandaran Taman Rimba Alam juga dilakukan dengan penganjuran program Ekspedisi Saintifik Biodiversiti Taman Rimba Alam dan Ekspedisi Kelulut bagi penilaian berterusan keberkesanan peranan TRA dalam menyumbang ekosistem dan ekologi di Putrajaya.

"PPj juga menjalin kerjasama dengan rakan strategik bagi inventori biodiversiti (mamalia, reptilia, serangga, burung) yang wujud di TRA melalui kerjasama ekspedisi (FRIM, UMT, IIUM, UKM dan NEST)," jelasnya. 



PERMOHONAN IBADAH KORBAN 2025

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL)



Cara Pemohonan:

- ✓ Sila imbas Kod QR untuk muat turun Garis Panduan dan Borang Permohonan.

[Info Jabatan](#)[Carta Organisasi](#)[Direktori Kakitangan](#)[e-Borang](#)[Garis Panduan](#)[FAQ](#)

- ✓ Patuhi syarat-syarat dalam Garis Panduan sebelum menghantar permohonan.

Penghantaran Borang:



Alamat:

Unit Kawalan Pest, Aras G, Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur,
Jalan 3/91A, Taman Shamelin Perkasa, 56100 Kuala Lumpur.



Atau hantar ke Pejabat Kesihatan Parlimen berdekatan.



E-mel: jkas@dbkl.gov.my (bersama dokumen berkaitan)

Penting!

- ⚠ Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.
- ⚠ Penyembelihan tanpa surat kebenaran boleh dikenakan kompaun RM2,000 dan sitaan haiwan. Permohonan di Masjid/Surau (JAWI).

Permohonan di Masjid/Surau (JAWI)

- ✓ Untuk penyembelihan di masjid/surau bawah tadbir urus JAWI, hubungi terus pihak JAWI (tidak perlu mohon kepada DBKL).

Tarikh Permohonan: 22 April 2025 – 31 Mei 2025
(Permohonan lewat tidak akan diproses)

Sebarang Pertanyaan:

Unit Kawalan Pest, Jabatan Kesihatan & Alam Sekitar, DBKL

 03-9221 0419 / 03-9221 0360

Turut mengusahakan 48 lot kelulut untuk penghasilan madu

BERTANI SUMBER REZEKI PESERTA KKB P16

AINI MAWAWI

BERBUDI kepada tanah, lambat-laun mendapat hasilnya merupakan peribahasa yang dipegang teguh oleh para peserta Kebun Komuniti Bandar Presint 16 (KKB P16) di bawah seliaan Perbadanan Putrajaya (PPj).

Selain menjana ekonomi penduduk, konsep kebun yang diperkenalkan itu turut menggalakkan komuniti sekitar mengamalkan gaya hijau dengan bercucuk tanam serta pemeliharaan alam sekitar lestari.

Menurut Ketua Kebun KKB P16, **Md Naser Md Isa**, komuniti di kawasan tersebut mula mengusahakan kebun seluas 0.3 ekar itu secara serius ketika negara dilanda pandemik COVID-19 sekitar 2020.

"Waktu itu, semua berada di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di mana berkebun merupakan antara yang dibenarkan jadi, ramai peserta yang turut serta menjayakan aktiviti ini.

"Hasilnya, tanaman yang terdapat di sini bukan sahaja sangat membantu menjimatkan duit dapur tetapi apa yang kita tanam, terus dibawa ke dapur rumah.

"Dari segi lain, keselamatan makanan juga lebih terjamin kerana kita tidak menggunakan baja kimia. Dalam masa sama, kami turut memasarkan sayur-sayuran setiap hujung minggu tanpa menggunakan orang tengah. Itu antara kelebihan kebun komuniti yang diusahakan oleh penduduk," jelas beliau dengan KKB P16 mempunyai 23 orang ahli ketika ini.

Tambahnya antara tanaman yang ditanam adalah salad, sawi, bayam Brazil, kangkung, cili, terung,

kacang panjang selain penternakan 48 lot kelulut untuk menghasilkan madu di kebun tersebut.

"KKB P16 merupakan lokasi terbaik untuk madu kerana terdapat banyak sumber makanan daripada pokok seperti akasia, ceri dan sebagainya. Ia merupakan produk hiliran yang popular di bawah nama Abg Long Putrajaya yang mendapat perhatian seluruh negara serta muncul sebagai komoditi baharu yang berpotensi tinggi.

"Selain itu, KKB P16 turut mengusahakan produk hiliran iaitu Bayam Brazil Crispy yang mendapat permintaan ramai. Selain dipasarkan secara dalam talian, ia turut mendapat tempahan dari jabatan kerajaan, swasta yang rata-ratanya ingin menjadikan cenderahati untuk sebarang majlis," jelas beliau.

TERIMA ANUGERAH

MENGULAS lanjut, Md Naser berkata KKB P16 turut menerima tiga anugerah antaranya Placemaker Awards ASEAN 2021, National Scroll Of Honour Award For Human Settlements 2022 dan My Place Award 2023 (Diamond Award).

"Pihak PPj sentiasa menggalakkan kami menghantar laporan untuk dipertandingkan dan kita telahpun sampai ke peringkat ASEAN.

"Bagi saya ini merupakan satu pencapaian yang sangat dibanggakan dan terasa berbaloi dengan usaha dan penat lelah semua ahli kebun dan komuniti selama ini," katanya yang turut berterima kasih kepada Jabatan

Wilayah Persekutuan (JWP) dan Jabatan Pertanian Putrajaya.

Selain menjadi sumber rezeki kepada penduduk, kebun tersebut juga menjadi lokasi tumpuan para pelajar sekolah berdekatan untuk mempelajari aktiviti berkebun sebagai salah satu modul pembelajaran mereka.

"Ia berada berhampiran dengan tadika, sekolah rendah dan juga menengah. Guru-guru diberi peluang untuk membawa pelajar ke kebun ini untuk menjalankan aktiviti berkebun dan sebagainya.

"Kami juga turut memberi taklimat serta tunjuk ajar kepada mereka. Saya kira aktiviti yang menyeronokkan ini perlu dipupuk sedari kecil bagi menanam minat untuk mencintai alam.

"Kebiasaannya KKB P16 juga sering menganjurkan program serta aktiviti yang turut disertai orang kurang upaya (OKU) memandangkan ia merupakan lokasi mesra OKU antaranya laluan bersimen yang memudahkan mereka bergerak," katanya.

GALAK ANAK MUDA

MEMANDANG jauh ke hadapan, Md Naser mengharapkan agar generasi muda turut meminati aktiviti berkebun yang bukan sahaja dapat menyihatkan tubuh badan bahkan dalam masa yang sama dapat mengelakkan mereka

daripada terjebak dengan aktiviti yang tidak berfaedah.

"Kalau boleh ibu bapa dan komuniti sekeliling turut serta dengan membawa anak-anak remaja turun berkebun kerana minat tersebut boleh digilap jika ibu bapa mengambil bahagian.

"Bak kata orang, pertanian adalah perniagaan. Tidak rugi berbakti kepada tanah kerana ia akan memberi pulangan kepada kita.

Kata-kata keramat itu juga sering digunakan bagi menggalakkan sesiapa sahaja menceburi bidang pertanian yang ternyata banyak sangat kelebihannya tersendiri.

"Misalnya, dalam sibuk berkebun, kita turut menyemai biji benih dan membuat jualan anak pokok untuk dipasarkan kepada masyarakat di luar untuk mencari alternatif pendapatan dan ternyata ia sangat berbaloi," katanya. 



MD NASER





NGA KOR MING (tengah) ketika mengetuai Ekspedisi Pembaharuan Semula Bandar (XPDC PSB) dengan melawat perumahan bertingkat yang lama dan usang.

AKTA PSB DAN BABI

ZULKIFLI SULONG

MENTERI Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming, telah memimpin satu ekspedisi untuk melihat sendiri rupa bentuk bangunan usang di tengah-tengah bandar raya Kuala Lumpur yang perlukan perhatian semua pihak.

Beliau memimpin apa yang dinamakan satu Ekspedisi Pembaharuan Semula Bandar (XPDC PSB) dengan melawat perumahan bertingkat yang lama dan usang serta tidak sesuai lagi untuk didiami di sekitar ibu negara.

Antara lokasi yang dilawati termasuk Flat Sutera Taman Desa Bakti dan Flat

Taman Kuchai Jaya – dua contoh kawasan perumahan lama yang memerlukan campur tangan segera.

Namun kerana tidak ada akta atau undang-undang yang sesuai untuk mengendalikannya, ia terbiar dan sesetengahnya menjadi sarang penagih dadah dan aktiviti tidak sihat di tengah bandar raya.

Rombongan turut dibawa ke projek pembaharuan yang berjaya seperti 1 Razak Mansion dan Residenti Kerinchi bagi memperlihatkan potensi sebenar transformasi yang boleh dicapai menerusi kerjasama pelbagai pihak.

XPDC PSB ini disertai oleh Ahli Dewan Rakyat, Dewan Negara dan pengamal media.

Program ini membolehkan para pembuat dasar mendapat pendedahan langsung tentang keperluan mendesak untuk memulakan proses pembaharuan semula bandar melalui penggubalan Rang Undang-Undang Pembaharuan Semula Bandar (RUU PSB).

Antara pembuat dasar yang menyertai program ini ialah Azli Yusof (PH-Shah Alam), Datuk Siti Aminah Aching (BN-Beaufort), Teresa Kok (PH-Seputeh), Senator Roderick Wong Siew Lead, Senator Amir Md Ghazali dan Senator Isaiah Jacob.

XPDC ini menjadi platform penting bagi memberikan gambaran menyeluruh tentang isu-isu lapangan kepada Ahli Parlimen sebelum pembentangan rasmi RUU PSB di Parlimen yang dijangka berlangsung penghujung Jun 2025.

Usaha ini amat penting bagi merangka

penyelesaian holistik terhadap isu-isu perumahan bertingkat lama yang berisiko dari segi struktur, keselamatan dan kebersihan.

Sebaik sahaja perbincangan ini bermula sebelum ini, pembangkang melihat dari perpektif yang berbeza tentang Akta PSB ini bermula di peringkat istilah lagi.

Ketika penyokong kerajaan menggunakan Akta PSB, pihak pembangkang pula menggunakan Bahasa Inggeris untuk akta ini iaitu Urban Redevelopment Act atau URA.

Lalu diberikanlah gambaran buruk tentang akta ini dengan pelbagai andaian negatif untuk menakut-nakutkan rakyat tentangnya.

Yang paling utama adalah kerana Menteri yang akan membentangkan Akta PSB ini adalah dari DAP. Oleh kerana ia dari DAP, maka segala-galanya buruk dan bertujuan menghalau orang Melayu dari bandar.

“Perancangan ini sangat dikhuatiri mengguna pakai konsep pemilikan perumahan di Singapura sebagai agenda migrasi penempatan warga asing dalam pemilikan hartanah dengan harga bebas di luar kemampuan orang Melayu, seterusnya ia akan meminggirkan rakyat tempatan yang miskin terutama orang Melayu di bandar-bandar dalam program pembangunan semula yang merupakan program utama pembaharuan semula bandar,” lapor Harakahdaily, media rasmi dari Pas tentang mengapa akta ini digubal.

Bila diletakkan premis ini, maka apa sahaja usaha baik yang cuba dibuat untuk menyelesaikan masalah negara, digambarkan sebagai usaha jahat yang bertujuan untuk menyusahkan orang Melayu.

Inilah sebenarnya masalah besar kepada pembangkang di negara ini, segala-galanya dilihat dari perspektif perkauman.

Kita berharap, pembangkang betul-betul belajar apa yang berlaku di dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Ayer Kuning baru-baru ini.

Mereka telah menunggang sepenuhnya isu babi. Kononnya babi telah dibiarkan ditiernak secara berleluasa tanpa sebarang kawalan oleh kerajaan sehingga mencemarkan sungai dan sebagainya.

Padahal, menurut maklumat kerajaan negeri Perak, kawasan penternakan babi telah disusun sebegitu rupa dan jauh dari kawasan penempatan untuk mengawal pencemaran ini.

Namun, kerana arus pembangunan dan keperluan kepada tapak untuk didiami, kawasan ternakan babi yang dilanggar oleh manusia. Kalau dahulu, kawasan penternakan babi jauh dari manusia, tetapi kerana keperluan tanah, manusia telah memasuki kawasan penternakan babi dalam pelbagai bentuk.

Yang paling ketara adalah pembentukan Kampung Tersusun untuk membolehkan tapak-tapak rumah diberikan kepada manusia khususnya orang Melayu yang memerlukan tanah.

Akhirnya, manusia semakin dekat dengan kawasan penternakan babi dan berteriak babi, babi, babi. Padahal manusia yang memasuki dan melanggar kawasan babi, bukan babi yang melanggar kawasan manusia.

Dalam pada itu pun, jaminan telah diberikan oleh Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan bahawa tidak berlaku pencemaran sungai sebagaimana yang didakwa, ia masih dalam kawalan dan menurut had yang dibenarkan.

Pada awalnya saya sendiri bimbang kalau-kalau pengundi Cina khususnya tidak akan memberikan sokongan kepada calon BN yang mewakili Kerajaan Perpaduan dalam PRK ini. Ini ekor, pertembungan antara orang Cina dengan kerajaan dalam isu tanaman durian di Raub.

Namun apabila PN khususnya pemimpin Pas memainkan isu babi dalam bentuk perkauman tegar, pengundi Cina Ayer Kuning turun berduyun-duyun dan memberikan undi mereka kepada calon BN. Mengikut data awal, calon PN hanya mendapat satu peratus sahaja undi Cina dalam PRK itu.

Kita berharap, PRK Ayer Kuning memberikan kesedaran kepada PN bahawa memainkan sentimen perkauman sudah tepu dalam politik Malaysia. Ia tidak akan membawa mereka ke tahap seterusnya kerana majoriti rakyat negara ini akan menolak pihak-pihak yang menggunakan sentimen ini.

Jadi usaha yang dibuat oleh kerajaan untuk membela nasib penduduk bandar yang terbiar perlu dilihat secara positif dan berikan sokongan. Lihatlah secara positif usaha KPKT dalam membangunkan semula bandar dan memberikan suasana yang lebih baik untuk mereka, bukan melihat dari perspektif yang sentiasa negatif.

SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.



Kerana hutang, barang dilelong

AKIBAT degil bayar hutang, barang milik penyewa dilelong. Baru-baru ini, Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur membenarkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melaksanakan lelongan awam barangan milik seorang penyewa yang gagal melunaskan tunggakan sewa premis DBKL.

Sepanjang yang kawan-kawan Kedai Kopi ingat, ini adalah tindakan drastik pertama kali diambil oleh DBKL untuk memperolehi tunggakan sewa daripada penyewa yang ingkar melunaskan sewa tertunggak walaupun tempoh lama diberi.

Selalunya DBKL akan memberi ruang kepada penyewa untuk menyelesaikan tunggakan. Antara pendekatan yang

diambil ialah menawarkan ruang kepada mereka berunding bagi mencari jalan melangsaikan hutang menurut kemampuan penyewa.

Dalam isu ini DBKL tidak terus bertindak drastik tetapi bersedia mencari kaedah terbaik penyewa melunas hutang tertunggak. Misalnya melalui pembayaran secara ansuran atau menyusun balik jadual hutang berdasar kedudukan kewangan penyewa.

Pada hemat kawan-kawan Kedai Kopi, tindakan lelong diambil kerana penyewa terlibat bukan sahaja tidak patuh kepada syarat perjanjian tetapi ingkar membuat bayaran walaupun diberi tempoh munasabah untuk menyelesaikan tunggakan melalui rundingan.

Bersama tangani isu banjir

BANJIR kilat biasa berlaku di Kuala Lumpur, terutama apabila hujan lebat tidak berhenti untuk jangka waktu lama. Banyak kawasan dilanda banjir kilat, terutama di kawasan rendah atau di kawasan saliran air tidak berjalan lancar.

Memetik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), banjir kilat di sekitar ibu kota selalunya berpunca daripada kadar air di permukaan yang tinggi, berkumpul dalam tempoh singkat. Ini menyebabkan air lambat mengalir walaupun sistem saliran sedia ada beroperasi pada kapasiti maksimum.

Apabila banjir kilat berlaku, DBKL bertindak pantas menangani masalah agar air bertakung dapat disurutkan

secepat mungkin. Sampah atau objek lain yang menghalang laluan air dibersihkan. Selain itu pemantauan rapi dibuat melalui kamera litar tertutup.

Warga kota wajar menghargai peranan DBKL menangani banjir kilat. Namun tugas ini tidak harus diletakkan di bahu DBKL semata-mata. Warga kota perlu sama-sama membantu DBKL kerana disadari atau tidak warga kota juga menyumbang kepada masalah banjir kilat di ibu negara.

Misalnya, ramai suka membuang sampah sarap ke dalam sistem saliran air seperti longkang atau parit dan saliran air lain. Ini menyebabkan berlaku halangan kepada kelancaran aliran air. Akibatnya air melimpah dan seterusnya banjir kilat.



ISTERI Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail hadir ke Majlis Santapan Petang Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah bersama penggiat seni dan karyawan di Istana Negara. - Foto: Facebook Sultan Ibrahim Sultan Iskandar



RUMAH BELIA MADANI

PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim hadir merasmikan Majlis Pecah Tanah Projek Pembangunan Rumah Belia MADANI dan Rumah Mampu Milik di Mukim Batu pada Selasa.

STARLOFT RESIDENCE

SEMINGGU



MENTERI Perpaduan, Datuk Aaron Ago Dagang hadir merasmikan Majlis Penutupan MADANI Berkhidmat: Misi Sukarelawan Siswa ke Sabah 2025 anjuran Kementerian Perpaduan Negara melalui Yayasan Sukarelawan Siswa.



MENTERI Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri menerima kunjungan hormat UNICEF dalam meneruskan lagi kolaborasi tahun 2025 bagi memperjuangkan perlindungan dan hak kanak-kanak.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa menghadiri Program Semarak Aidilfitri anjuran Jabatan Wilayah Persekutuan bersama-sama rakan media.



MENTERI Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz mempengerusikan mesyuarat pasukan petugas National Geoeconomic Command Centre (NGCC) yang melibatkan pelbagai pemegang taruh dari sektor awam dan swasta.



JANGAN KONGSI OTP (One-Time Password)



 **OTP ANDA, RAHSIA ANDA!**
JANGAN KONGSI. JANGAN TERTIPU.
TIADA SESIAPA PERLU TAHU OTP ANDA.
KALAU DIMINTA?  **ITU SCAM!**



Suruhanjaya Komunikasi
dan Multimedia Malaysia



MCMC_RASMI



skmm_mcmc



MCMCTV

ANTARA peserta yang menyertai pertandingan yang dianjurkan dalam LISC 2025.



Angkat sektor pelancongan, sukan air

LISC 2025 CAPAI MATLAMAT

KHAIRUL IDIN

PENGANJURAN Cabaran Sukan Laut Antarabangsa Labuan (LISC) 2025 yang melabuhkan tirainya baru-baru ini berjaya mencapai matlamatnya dalam menyatukan peminat sukan air, bukan sahaja di dalam negara malah mendapat penyertaan memberangsangkan peserta luar negara.

Ia sekali gus menjadi satu medium mengangkat sektor pelancongan Labuan khususnya dalam sukan air di rantau ini.

Dengan pencapaian tersebut, LISC 2025 anjuran Perbadanan Labuan (PL) yang telah memasuki edisi ke-27 itu berjaya menarik lebih 30,000 penyertaan daripada dalam dan luar negara.

Malah LISC 2025 dilihat memperkukuh lagi status Labuan sebagai hab sukan air bertaraf antarabangsa serta meningkatkan industri pelancongan pada masa akan datang.

Menariknya, penganjuran LISC 2025 menampilkan empat pertandingan utama iaitu Cabaran Memancing Laut Dalam, Cabaran Kayak Pusingan Pulau Labuan,

Perlumbaan Regatta 2.0 dan acara sampingan yang menawarkan hadiah keseluruhan bernilai RM350,000.

Dalam Cabaran Memancing Laut Dalam yang disertai 212 peserta, pasukan dari Hong Kong muncul juara keseluruhan dengan mencatatkan jumlah tangkapan sebanyak 101.70 kilogram dan menerima hadiah wang tunai RM45,000.

Bagi tempat kedua dimenangi pasukan 360 Anglers 1 dari Malaysia dengan jumlah tangkapan 67.12 kilogram dan menerima hadiah wang tunai RM15,000, manakala pasukan CK dari Malaysia menduduki tempat ketiga dengan 75.98 kilogram dan menerima RM10,000.

Perlumbaan Regatta 2.0 merupakan salah satu sukan yang mendapat sambutan dalam LISC 2025 dengan penyertaan lebih ramai dari dalam negara iaitu Sabah, Putrajaya, Sarawak serta negara jiran, Brunei. Dalam sukan ini, peserta diuji ketahanan, kemahiran dan koordinasi pelayaran dalam menempuhi cabaran angin, arus ombak yang sukar dijangka.

Selain itu, Cabaran Kayak Pusingan Pulau Labuan merupakan satu acara dinanti-nantikan para peserta menerusi keupayaan mereka menempuhi cabaran arus laut yang sukar diduga sepanjang 51.2 kilometer.

Dalam cabaran itu, peserta tuan rumah (Labuan) berjaya mempertahankan kejuaraan tiga tahun berturut-turut apabila pasangan adik-beradik, Shahdan dan Nadzmar Sukarno berjaya menempuhi cabaran itu dengan catatan masa 56 minit.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif PL, **Mohd Sukuran Taib**, penganjuran LISC 2025 merupakan hasil usaha PL bersama pihak terlibat yang sentiasa memastikan sukan berprestij yang dipertandingkan dapat memberikan impak positif kepada Labuan.

Katanya antara kejayaan yang dicapai adalah dengan kehadiran lebih 5,000 peserta tempatan dan antarabangsa dari Brunei, Hong Kong, Filipina, Singapura, Indonesia, Brazil dan Amerika Syarikat.

"Dengan hadiran peserta-peserta dan pengunjung ke LISC ini sudah tentunya menjadi kejayaan yang

perlu kita banggakan kerana ini merupakan salah satu platform kita untuk mempromosikan Labuan dengan penganjuran sukan air berprestij di rantau ini.

"Selain dapat mempromosikan produk-produk Labuan, penganjuran ini juga sudah tentunya memberikan kesan positif kepada Labuan bukan sahaja kepada usahawan kecil malah kepada pengusaha inap desa, perhotelan, pengangkutan, restoran dan sebagainya.

"Untuk memberikan ruang dan peluang kepada para usahawan kecil tempatan, pada penganjuran LISC kali ini, PL telah menawarkan lebih 60 gerai jualan kepada usahawan yang berminat berniaga sepanjang LISC baru-baru ini," katanya kepada pemberita selepas Majlis Perasmian LISC 2025, di Kompleks Sukan Air Laut Antarabangsa Labuan, baru-baru ini.

Hadir sama, Pengerusi PL, Senator Tan Sri Anifah Aman; Ahli Parlimen Labuan, Datuk Suhaili Abd Rahman dan Timbalan Pengerusi PL, Simsudin Sidek.

Mengulas lanjut, Mohd Sukuran memaklumkan pihaknya tidak

menolak kemungkinan terdapat kekurangan penganjuran sukan itu yang dibangkitkan oleh beberapa pihak.

Katanya sebagai penganjur pihaknya akan sentiasa menerima maklum balas dan mengambil tindakan selanjutnya bagi meneliti, menambah baik serta mengkaji semula kadar hadiah wang tunai yang ditawarkan di setiap acara.

"Kita akan mengkaji semula mengenai perkara itu secara terperinci untuk melihat sejauh mana kejayaan yang telah dicapai dan perkara-perkara yang perlu ditambah baik.

"Sesi post-mortem ini akan kita laksanakan dan ia menjadi satu platform kita untuk mengatasi sebarang kekurangan pada LISC kali ini agar penganjuran pada tahun depan akan lebih baik termasuk usaha-usaha lain dalam mempromosikan LISC bagi menarik lebih ramai lagi peserta dan pengunjung luar dan dalam negara," katanya.

Beliau berkata penganjuran LISC 2026 akan diadakan pada 1 hingga 3 Mei 2026. 



MOHD SUKURAN (dua dari kanan) ketika menyampaikan hadiah kepada pemenang Cabaran Kayak Pusingan Pulau Labuan.

KEMAS tawar pelbagai kemahiran

PELBAGAI program telah dilaksana oleh Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) sebagai usaha membantu meningkatkan pendapatan golongan wanita dan usahawan kecil menerusi Program Pendayaupayaan Wanita sepanjang tahun.

Program yang ditawarkan KEMAS kepada golongan wanita adalah berbentuk kelas kemahiran yang dijalankan di Pusat Daya Maju (PDM) dan Kelas Pendidikan Kesejahteraan Keluarga (PKK) di beberapa buah kampung.

Menurut Pegawai KEMAS Daerah Labuan, **Gilbert Julian**, antara program yang ditawarkan pihaknya melibatkan sesi kelas kemahiran masakan, kemahiran seni tangan (kraf tangan), kemahiran jahitan dan pendidikan kesejahteraan keluarga.

Katanya dengan pelbagai tawaran kelas kemahiran yang dikendalikan KEMAS mampu membuka peluang golongan wanita untuk meningkatkan kemahiran dan menjadi sumber pendapatan sampingan menerusi perniagaan secara kecil-kecilan.

Dengan adanya penawaran kelas kemahiran ini, pihaknya terus komited dalam memperkasa dan memastikan modul latihan yang diberikan kepada peserta selari dengan arus kemajuan semasa.

"Pada sesi kelas kemahiran yang ada, para peserta yang menyertai kelas tersebut seperti kelas masakan akan diajar oleh tenaga pengajar berpengalaman mengenai cara-cara pembuatan kuih dan makanan tradisional.

"Selain itu, kita juga menawarkan

kelas kemahiran tangan iaitu cara-cara menghasilkan kraf tangan dan jahitan. Dengan bermulanya mengikuti kelas di sini, para peserta akan mempunyai peluang menjalankan perniagaan untuk dijadikan sumber pendapatan," katanya kepada Wilayahku.

Tambahnya selain ditawarkan kelas kemahiran, para peserta yang mahu menjalankan perniagaan berasaskan kelas kemahiran yang diceburi turut berpeluang untuk memohon geran bantuan ditawarkan.

"Antara bantuan yang ditawarkan oleh KEMAS kepada peserta menerusi Kursus Kemahiran Quick Win. Mereka boleh memohon bantuan seperti peralatan, mesin dan sebagainya yang berkaitan," katanya. 



KEMAS menganjurkan kelas pembuatan kuih yang mampu menjana kewangan peserta melalui bantuan ditawarkan.

Pembentukan budaya inovasi peringkat akar umbi

BINA KEYAKINAN DIGITAL

SABRINA SABRE

DALAM usaha memperkasa masyarakat setempat dengan kemahiran teknologi, Kelab RekaCipta Putrajaya, sebuah badan bukan kerajaan (NGO), terus memainkan peranan penting dalam membina komuniti yang mampan dan berdaya saing melalui penganjuran pelbagai program berteraskan inovasi dan reka cipta.

Bertemakan matlamat untuk membudayakan teknologi dalam kehidupan harian, kelab ini menganjurkan pelbagai bengkel dan kelas kemahiran seperti Asas Pendawaian Elektrik, Pendawaian Panel Solar, Kelas Robotik, Kelas Dron serta Kelas Membaiki Mesin Basuh yang terbuka kepada semua lapisan masyarakat.

Pengerusi Kelab RekaCipta Putrajaya, **Ab Malik Awang Hamat** berkata inisiatif ini adalah sebahagian daripada usaha untuk menyemai budaya inovasi dalam komuniti dan mendorong masyarakat agar tidak hanya menjadi pengguna teknologi,

tetapi juga pencipta dan penyelesaian masalah berasaskan teknologi.

"Kelab ini bukan sahaja menawarkan pelbagai kursus teknikal kepada masyarakat setempat, malah menjadi platform pembentukan budaya inovasi di peringkat akar umbi.

"Kami percaya pendedahan awal dan latihan berterusan dalam bidang teknologi mampu membuka peluang baharu, menjana pendapatan dan meningkatkan daya saing komuniti tempatan," katanya kepada Wilayahku.

Beliau turut menekankan bahawa pembangunan komuniti yang mampan memerlukan lebih daripada sekadar penggunaan teknologi.

Sebaliknya jelas beliau, masyarakat perlu dilengkapi dengan pengetahuan, kemahiran dan sikap inovatif untuk terus relevan dalam dunia yang serba pantas berubah ini.

Menurutnya kejayaan program seperti Agropreneur Muda yang menggabungkan pertanian dengan



BENGKEL pemasangan asas pendawaian solar panel.

teknologi moden membuktikan bahawa kemajuan teknologi boleh dimanfaatkan oleh semua golongan, termasuk belia luar bandar.

"Ia bukan sahaja menjana pendapatan melalui perkhidmatan atau penyelesaian berasaskan teknologi, tetapi juga membantu mengurangkan kos sara hidup, sekali gus mengukuhkan kestabilan

kewangan individu dalam komuniti.

"Pelbagai bidang teknologi kini memberi kesan terus kepada kehidupan masyarakat, termasuk automasi rumah, teknologi hijau, teknologi pertanian pintar, pencetakan 3D dan teknologi komunikasi pintar. Semua ini menyumbang kepada peningkatan taraf hidup dan kecekapan dalam

pelbagai aspek kehidupan harian," katanya.

Selain bengkel praktikal, Ab Malik berkata Kelab RekaCipta Putrajaya turut bekerjasama dengan institusi pendidikan dan agensi kerajaan untuk memperluaskan capaian pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), khususnya dalam kalangan pelajar sekolah dan komuniti berpendapatan rendah (B40).

"Masyarakat setempat menyambut baik inisiatif ini dan menganggapnya sebagai peluang berharga untuk menimba ilmu baharu yang boleh digunakan dalam kehidupan seharian serta menjana pendapatan sampingan.

"Dengan sokongan berterusan daripada semua pihak, Kelab RekaCipta Putrajaya yakin usaha ini akan menjadi pemangkin kepada pembentukan sebuah komuniti berinovasi yang bukan sahaja celik teknologi, tetapi juga mampu menyumbang kepada pembangunan negara.

"Kami akan terus komited untuk membantu membina komuniti masyarakat yang mampan melalui teknologi, dengan membudayakan reka cipta dan inovasi dalam kalangan masyarakat," katanya.



AB MALIK

PPj cemerlang dalam Anugerah MALA

PERBADANAN Putrajaya (PPj) sekali lagi membuktikan kecemerlangan apabila berjaya meraih tempat ketiga dalam Anugerah Inovasi MALA (Malaysia Association of Local Authorities) 3.0 Piala YB Menteri Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Kejayaan itu melayakkan PPj membawa pulang geran pembangunan bernilai RM300,000 serta wang tunai sebanyak RM1,000. Anugerah berprestij ini

menyaksikan penyertaan sebanyak 60 pihak berkuasa tempatan (PBT) dari seluruh negara, dengan hanya 30 penyertaan terbaik dipilih untuk mara ke pusingan akhir yang telah diadakan di Dewan Kenanga, Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru pada 24 dan 25 April lalu.

Dalam pertandingan tersebut, PPj tampil dengan projek inovatif bertajuk 'Tandas Pintar: Memacu Inovasi Sanitasi', yang menampilkan penggunaan teknologi pintar dalam

pengurusan dan penyelenggaraan kemudahan tandas awam di Putrajaya.

Menurut Presiden PPj, **Datuk Fadlun Mak Ujud**, projek ini menekankan integrasi teknologi terkini bagi memantau tahap kebersihan secara masa nyata, mengoptimalkan kecekapan operasi serta meningkatkan pengalaman pengguna sejajar dengan hasrat PPj untuk menjadi peneraju bandar pintar dan

mampan di Malaysia.

"Kejayaan ini merupakan satu pengiktirafan besar terhadap dedikasi berterusan PPj dalam mentransformasikan perkhidmatan bandar, sekali gus meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup warga Putrajaya," katanya.

Anugerah Inovasi MALA

3.0 merupakan inisiatif KPKT yang bertujuan menggalakkan budaya inovasi dalam kalangan PBT di seluruh negara, serta memperkukuh tadbir urus tempatan, memperkenalkan teknologi baharu dan menambah baik mutu perkhidmatan kepada rakyat.



PPj menerima geran KPKT bernilai RM300,000 berserta wang tunai dan piala iringan.



Perkukuh operasi, lahirkan lebih ramai bakat baharu

RM278,000 KEPADA BADAN SUKAN

SABRINA SABRE

USAHA memperkasa pembangunan sukan peringkat akar umbi di Wilayah Persekutuan terus diperkukuh melalui Majlis Penyampaian Bantuan MADANI kepada Badan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya 2025.

Majlis anjuran Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) menerusi Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) itu menyaksikan sebanyak RM278,000 disalurkan kepada 77 badan sukan terpilih, sebagai sokongan kewangan pentadbiran dalam menggerakkan aktiviti serta pembangunan atlet tempatan.

Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa**, bantuan tersebut diberikan berdasarkan penilaian prestasi dan kriteria pengurusan yang ditetapkan.

"Team Wilayah Persekutuan (WiPers) ini ada sejarahnya yang tersendiri di mana kita telah melahirkan atlet-atlet yang bukan sahaja mengharumkan nama Wilayah Persekutuan, tetapi juga nama Malaysia di peringkat antarabangsa.

"Sudah pasti, peranan dan sumbangan badan sukan dalam kejayaan ini kita tidak boleh pandang ringan. Saya sentiasa memberi pengiktirafan kepada peranan yang dimainkan oleh badan sukan ini. Atas dasar itu juga, pada tahun ini, kita meneruskan tradisi untuk menyalurkan bantuan kewangan pentadbiran kepada badan-badan sukan di ketiga-tiga



ZALIHA menyaksikan penyampaian bantuan MADANI kepada Pengerusi MSWP, **Datuk Mohd Nasir Ali** (kiri).

Wilayah Persekutuan.

"Saya berharap bantuan ini akan serba sedikit membantu dalam pengurusan pengoperasian dan pentadbiran persatuan. Saya minta agar dana ini digunakan secara optimum bagi memastikan pembangunan sukan terus berkembang maju di Wilayah Persekutuan ini," katanya pada Majlis Penyampaian Bantuan MADANI Kepada Badan Sukan Kuala Lumpur dan Putrajaya yang berlangsung di Hotel Dorsett Putrajaya.

Beliau berkata bantuan MADANI ini adalah bukti komitmen berterusan kerajaan untuk menjadikan sukan bukan sekadar aktiviti fizikal, tetapi sebagai wahana penyatuan dan kekuatan masyarakat.

"Di Wilayah Persekutuan, sukan adalah cerminan keutuhan komuniti kita. Ia menyatukan kita melangkaui perbezaan dan inilah roh Wilayah Persekutuan yang kita ingin semarakkan," katanya.

Zaliha turut menekankan bahawa kejayaan atlet Wilayah

Persekutuan di pentas kebangsaan dan antarabangsa tidak mungkin tercapai tanpa peranan aktif dan dedikasi badan-badan sukan.

"Oleh itu, pengiktirafan dan bantuan kewangan yang diberikan diarahkan untuk memperkukuh pengoperasian serta melahirkan lebih ramai bakat sukan baharu.

"Sebagai langkah penambahbaikan, Majlis Sukan Wilayah Persekutuan telah diarahkan untuk memperkenalkan Sistem Penarafan Bintang kepada badan-badan sukan bermula 2026.

Inisiatif ini bertujuan memastikan pengurusan persatuan berada dalam keadaan yang terbaik, cekap dan berintegriti," katanya.

Beliau berkata antara elemen penilaian termasuk aspek pengurusan dokumentasi, tadbir urus kewangan yang telus serta pencapaian dalam kejohanan peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

"Insya-Allah, melalui sistem ini kita dapat mengenal pasti dan memberi ganjaran kepada badan sukan terbaik. Mungkin kita boleh mulakan insentif berbentuk wang tunai pada 2026, dan penyampaian boleh dilakukan dalam majlis seperti hari ini pada tahun hadapan.

"Saya yakin dengan adanya sistem penarafan ini, badan-badan sukan akan lebih berdaya saing, berdisiplin dan berwibawa dalam memastikan urus tadbir yang terbaik dalam usaha memastikan prestasi di Wilayah Persekutuan ini terus cemerlang," katanya.

Dalam masa sama, menjelang Sukan Malaysia (SUKMA) ke-22 yang akan berlangsung pada 2026 di Selangor, Zaliha menyasarkan pencapaian yang lebih tinggi dalam temasya tersebut dengan harapan kontinjen Wilayah Persekutuan akan muncul sebagai juara keseluruhan.

"Jika di SUKMA Sarawak tahun lalu kita menjadi pencabar utama, kali ini saya sasarkan kita bergelar juara. Insya-Allah, dengan kesungguhan MSWP, badan sukan dan sokongan padu JWP, kita mampu mencapainya," katanya. 

Pasukan tempatan bakal beraksi di IESF

DUNIA e-sukan tanah air sekali lagi mencatat sejarah apabila dua pasukan tempatan, Homebois dan Arcane Ladies, secara rasmi diumumkan bakal mewakili Malaysia ke pentas antarabangsa dalam Kejohanan Dunia Persekutuan E-Sukan Antarabangsa (IESF) 2025.

Kejohanan itu akan berlangsung dari 11 hingga 19 November ini.

Persekutuan Sukan Elektronik Malaysia (MESF) memaklumkan bahawa Homebois melayakkan diri secara merit selepas muncul juara Pusingan Kelayakan Kebangsaan PUBG Mobile Malaysia 2025, sekali gus menempah tempat sebagai wakil negara dalam kategori PUBG Mobile.

"Kejohanan kelayakan tersebut menyaksikan penyertaan pasukan-pasukan terbaik dari seluruh Malaysia, namun Homebois membuktikan keunggulan mereka melalui strategi yang mantap, disiplin berpasukan yang tinggi serta pengalaman kompetitif yang luas dalam liga-liga tempatan dan serantau.

"Kejayaan Homebois ini bukan sekadar kemenangan teknikal, tetapi juga merupakan simbol kematangan dan kemajuan ekosistem e-sukan negara. Mereka akan membawa panji Team eMAS dalam satu daripada kategori paling kompetitif di IESF nanti," katanya dalam satu kenyataan.

Satu lagi pencapaian membanggakan, pasukan Arcane Ladies pula akan mewakili Malaysia dalam kategori Mobile Legends: Bang Bang (MLBB) wanita selepas berjaya menewaskan Todak Ladies di pentas akhir kelayakan kebangsaan.

Pencapaian ini turut menandakan kemajuan pesat dalam pembangunan e-sukan wanita di Malaysia, membuktikan bahawa atlet wanita juga mampu bersaing di pentas tertinggi dan menjadi inspirasi kepada generasi pemain muda akan datang.

"Ini bukan sekadar kemenangan, ini adalah satu penegasan mengenai keupayaan dan kekuatan Malaysia dalam e-sukan. Kami menyeru seluruh peminat untuk memberi

sokongan penuh kepada atlet kita dalam misi mengharumkan nama negara di peringkat dunia," katanya.

Kejohanan Dunia IESF 2025 bakal menyaksikan penyertaan berpuluh negara dari seluruh dunia dalam pelbagai kategori permainan video kompetitif. Malaysia sebelum ini telah beberapa kali menghantar wakil ke kejohanan tersebut dan pernah mencatatkan keputusan membanggakan dalam beberapa kategori utama.

Penyertaan Homebois dan Arcane Ladies kali ini merupakan antara langkah penting dalam memperkukuh kedudukan Team eMAS di peringkat global, sejajar dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab e-sukan utama di Asia Tenggara.

Homebois merupakan antara pasukan paling konsisten dalam ekosistem PUBG Mobile Malaysia dan Asia Tenggara, manakala Arcane Ladies kini dilihat sebagai kuasa baharu dalam MLBB wanita selepas beberapa kejayaan besar dalam kejohanan serantau sejak 2024. 



PASUKAN Arcane Ladies bakal mewakili Malaysia ke pentas antarabangsa.

MOMEN IKONIK DUA GENERASI

SERIMAH SALLEHUDDIN

MENGGABUNGKAN dua generasi yang mempunyai pertalian kekeluargaan, buat julung kali Ziana Zain, Anuar Zain, Ernie Zakri dan Syamel bakal berkongsi pentas mega.

Dinamakan Konsert Empat Live In Kuala Lumpur 2025, penonton akan menyaksikan empat penyanyi itu beraksi di Mega Star Arena pada 18 Oktober ini.

Konsert anjuran Anuar Zain Network dengan kerjasama Altus ProHouse itu hakikatnya merupakan gabungan unik antara adik-beradik Ziana dan Anuar bersama anak saudara mereka iaitu Ernie dan suaminya, Syamel.

Menurut **Anuar** kolaborasi tersebut sememangnya secara peribadi sesuatu yang dinanti-nantikan mereka sendiri.

“Ini adalah sebuah projek yang sangat mengujakan, saya dan kakak, Ziana serta anak buah kami Ernie dan suaminya, Syamel.

“Berada dalam industri sama sebagai penghibur dan pastinya dapat menghiburkan anda atas satu pentas sebagai momen ikonik kami berempat,” katanya.

Beliau berkata idea menganjurkan konsert tersebut telah lama dirancang, namun hanya kini dapat direalisasikan setelah mengambil kira jadual kerja keempat-empat mereka.

Sementara itu, Ziana menyifatkan konsert tersebut sebagai satu temasya istimewa buat peminat untuk menikmati karya dua generasi dalam satu malam.

“Saya juga tidak mahu menjanjikan sesuatu yang luar biasa datanglah dan nikmati Empat Live In Kuala Lumpur 2025.

“Konsert ini juga menjadi bukti peminat tidak hanya menyokong seorang penyanyi kegemaran sebaliknya selalu memberi dukungan kepada industri muzik tempatan,” jelasnya.

Ernie juga tidak ketinggalan menzahirkan debaran, namun teruja apabila dapat bergandingan dengan bapa dan ibu saudaranya yang menjadi idolanya.

“Saya menangis selepas dilamar merealisasikan konsert ini. Empat Live In Kuala Lumpur 2025 adalah sebuah impian saya dari dahulu lagi,” katanya.

Sependapat dengan isterinya itu, Syamel menyifatkan penglibatannya dalam konsert tersebut sebagai peluang luar biasa yang menaikkan lagi tahap karier seninya.

“Ziana Zain, Anuar Zain masing-masing adalah legenda, begitu juga Ernie yang mempunyai reputasi. Kerjasama kami berempat bersama energi masing-masing bakal membuahkan konsep di luar jangka,” kongsinya.

Konsert ini mendapat sentuhan Jennifer Thompson dengan Sze Wan sebagai pengarah muzik.



KOLABORASI dua generasi yang mempunyai pertalian kekeluargaan sangat dinanti-nantikan.



Fattah mohon doa, Amira abai komen negatif

AKTOR Fattah Amin mengaku tidak pernah rimas apabila sering dikaitkan bercinta dengan penyanyi Amira Othman.

Dalam masa yang sama, dakwaan yang mengatakan pelakon filem Mat Kilau itu bakal berkahwin dengan Amira dalam masa terdekat, Fattah mohon doa yang terbaik.

“Doakanlah yang terbaik, insya-Allah,” jawabnya ringkas namun penuh makna.

Dakwaan Fattah dan Amira bakal mendirikan rumah tangga mula diperkatakan apabila seorang perunding perkahwinan terkenal ada bertemu pasangan itu dalam satu majlis.

Fattah menegaskan bahawa tidak ada sebarang khabar gembira yang ingin dikongsikan kepada umum pada ketika ini.

“Dia adalah kenalan lama saya dan juga pengurus. Jadi sempena sambutan rumah terbuka (baru-

baru ini), saya jemput mereka yang pernah atau sedang bekerjasama dengan saya untuk hadir.

“Bukan hanya dia, saya juga mengajak beberapa kenalan dan peminat untuk memeriahkan acara ini,” katanya.

Dalam pada itu, Amira juga memohon maaf jika ada pihak yang kurang selesa dengan kisahnya bersama Fattah sering menjadi bualan.

“Saya sangat menghargai peminat yang sentiasa ada saat susah dan senang. Kalau ada yang kurang selesa, saya mohon maaf, tapi saya akan sedaya upaya menjaga reputasi nama saya dengan baik kerana saya tidak membawa nama saya seorang.

“Saya sedar ada yang kurang senang, tapi saya akan cuba menjaga batas diri dan kalau ada salah silap, saya memohon maaf,” katanya.

Amira juga tidak pernah

stres atau terlalu memikirkan komen negatif yang dilemparkan kepadanya. Namun pelantun lagu Hati Hati itu, menghormati setiap komen yang diberikan.

“Saya tak mampu nak memuaskan hati semua pihak. Cuma kalau ada komen yang memberikan kebaikan, saya menerimanya dengan hati terbuka.

“Tapi kalau komen itu hanya untuk membuatkan saya terkesan, saya tidak akan ambil peduli kerana saya percaya peminat ini, sebaik sahaja mereka memilih untuk menjadi peminat, mereka akan terus menyokong saat susah dan senang.

“Setiap orang ada pendapat mereka yang tersendiri. Jadi, apabila saya kerap bersama dengan Fattah untuk beberapa penampilan, mungkin ada yang kurang selesa. Ada juga yang gembira untuk mendengar dan melihat,” katanya.



Kepercayaan asas kekuatan ummah

KESETIAAN KEPADA PEMIMPIN

AZLAN ZAMBRY

UMAT Islam diseru agar sentiasa menzahirkan kepercayaan dan kesetiaan kepada pemimpin yang sah selagi mana pemimpin itu berlaku adil, menjalankan tanggungjawab dengan amanah dan tidak menyalahi syariat Islam.

Demikian ditegaskan oleh pendakwah, **Mohd Sanawi Mohd Sanusi** yang melihat prinsip berkenaan berakar kukuh dalam Al-Quran, hadis Nabi SAW dan amalan para sahabat.

Malah katanya ia sebagai manifestasi penting dalam menjaga kestabilan masyarakat Islam dan mengelakkan perpecahan.

Dalam Surah An-Nisa', ayat 59, Allah SWT berfirman: "*Wahai orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul serta pemimpin di kalangan kamu*".

"Ini menunjukkan bahawa ketaatan kepada pemimpin adalah perintah Allah, selagi tidak bercanggah dengan ajaran Islam," tegas Mohd Sanawi.

Beliau turut menjelaskan bahawa dalam Islam, struktur masyarakat diibaratkan seperti sebuah keluarga yang memerlukan ketua.

Seperti seorang anak harus menghormati ibu bapanya, demikian juga rakyat harus meletakkan kepercayaan kepada pemimpin sebagai bentuk adab berjemaah dan ukhuwah.

"Kepercayaan itu bukan bermaksud membenarkan semua tindakan membuta tuli, tetapi sebagai sokongan untuk memelihara perpaduan dan kestabilan.

"Jika berlaku kesilapan, ditegur secara hikmah, bukan menjatuhkan maruah atau membina permusuhan," katanya.

Menurut beliau Rasulullah SAW bersabda

dalam satu hadis sahih riwayat Bukhari dan Muslim: "*Sesiapa yang mentaati aku, maka dia telah mentaati Allah. Sesiapa yang menderhakai aku, maka dia telah menderhakai Allah. Sesiapa yang mentaati pemimpinnya, maka dia telah mentaati aku*".

Demikian antara apa yang diperintahkan atau diajar oleh Rasulullah SAW mengenai ketaatan kepada pemimpin, khususnya dalam kita menjalani kehidupan ini dengan meletakkan perkara itu sebagai keutamaan.

Mengulas senario semasa yang memperlihatkan segelintir masyarakat cenderung menyerang dan meragui pemimpin secara terbuka, beliau menegaskan bahawa tindakan sedemikian amat bertentangan dengan roh Islam.

Untuk itu tegasnya Islam amat melarang kepada tindakan memecahbelahkan sesama jemaah.

Sabda Nabi SAW: "*Barangsiapa keluar daripada ketaatan dan memisahkan diri daripada jemaah, lalu mati, maka dia mati dalam keadaan jahiliyah*". (HR Muslim).

Menurut Mohd Sanawi apa yang ditegaskan Rasulullah SAW itu sangat jelas bahawa kepercayaan kepada pemimpin adalah asas kepada kekuatan umat.

Beliau menyimpulkan bahawa umat Islam wajib memberi kepercayaan kepada pemimpin yang sah dan amanah, selagi tidak menyeru kepada maksiat atau kezaliman.

"Selagi mana pemimpin itu menjaga kepentingan rakyat, melaksanakan keadilan dan menunaikan tanggungjawab dengan ikhlas, maka menjadi fardu kifayah kepada kita sebagai rakyat untuk memberi sokongan, bukan menghasut perpecahan," katanya.



MOHD SANAWI



SERTAI SALURAN TELEGRAM

t.me/wilayahku

UNTUK INFORMASI TERKINI!

IMBAS KOD QR